

BAB III:

TAKHRĪJ ḤADĪTH-ḤADĪTH IBNU `ABBĀS DALAM *TAFSĪR ĀYĀT AL-AḤKĀM* *MIN AL-QURĀN*

Di dalam bab ini, penulis berusaha mengumpulkan seluruh ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās yang terdapat dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* karya Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī serta menjelaskan kedudukan atau lokasi ḥadīth-ḥadīth tersebut mengikut tajuk ayat dan sub topik dalam kitab ini. Bagi tujuan ini, penilaian secara kuantitatif terhadap ḥadīth-ḥadīth tersebut akan dilakukan.

4.1 Bilangan Ḥadīth-Ḥadīth Ibnu `Abbās Dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*

Ḥadīth-ḥadīth yang diriwayatkan Ibnu `Abbās banyak terdapat dalam pelbagai kitab tafsir, ḥadīth atau kitab lain yang menjadikannya sebagai rujukan. Namun, dalam kajian ini, penulis hanya akan menumpukan kepada kitab *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* karya Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī sahaja. Dan selepas melakukan beberapa kali proses penelitian, secara keseluruhannya terdapat 34 ḥadīth yang diriwayatkan oleh Ibnu `Abbās dalam kitab ini. Dan semuanya hampir tidak memiliki sanad yang lengkap.

Majoriti ḥadīth yang disebutkan al-Ṣābūnī hanya menyebutkan sanad terakhir seperti al-Bukhārī, Muslim, Ibnu Majah dan sebagainya, kemudian disebutkan bahawa ḥadīth berkenaan diriwayatkan oleh Ibnu `Abbās. Selepas itu, disebutkan isi kandungan ḥadīth tersebut. Namun dalam beberapa ḥadīth, beliau menyebutkan status ḥadīth tersebut dan lokasi berkenaan. Tetapi, itu hanya sedikit jumlahnya. Untuk menunjukkan lokasi ḥadīth-ḥadīth tersebut, penulis menjelaskannya dalam bentuk jadual di bawah ini.


Jadual 3.0: Taburan jumlah bilangan ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās yang terdapat dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur`ān*

Bil	Topik	Sub Topik	Bilangan Hadīth
1.	Surah al-Fātiḥah	Keutamaan Surah al-Fātiḥah	1
		<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	2
2.	Menghadap Ka`bah Ketika Salat	<i>Laṭāif al-Tafsīr</i>	1
		<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	1
3.	Kewajipan Puasa Atas Orang Islam	<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	2
4.	Disyariatkannya Berperang Dalam Islam	<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	2
5.	Haji dan Umrah	<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	1
6.	Berperang Dalam Bulan-bulan Haram (<i>Ashhur al-Aḥrām</i>)	<i>Sabab al-Nuzūl</i>	1
7.	Menikahi Perempuan Mushrik	<i>Sabab al-Nuzūl</i>	1
8.	Disyariatkannya Talak Dalam Islam	<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	1
9.	Hukum Menyusui Anak	<i>Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	1
10.	Kewajipan Haji Dalam Islam	<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	1
11.	Penjagaan Islam Terhadap Harta Anak Yatim	<i>Sabab al-Nuzūl</i>	1
		<i>Laṭāif al-Tafsīr</i>	1
12.	Perempuan-perempuan Yang Haram Dinikahi	<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	1
13.	Haramnya Melakukan Pembunuhan dan Balasannya Dalam Islam	<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	1
14.	Hukum <i>Ghanīmah</i> Dalam Islam	<i>Sabab al-Nuzūl</i>	1
15.	Zina	<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	1
16.	Menuduh Perempuan-perempuan <i>Muhsināt</i>	<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	1
17.	Hukum <i>Li`ān</i> Antara Suami Isteri	<i>Sabab al-Nuzūl</i>	2
		<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	2
18.	Adab Ber- <i>isti`zān</i> dan Berziarah	<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	1
19.	Ayat Tentang Hijab dan <i>Nadhar</i>	<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	1
20.	Dorongan Dalam Berkahwin Untuk Menghindari Perzinaan	<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	1
21.	<i>Tabanni`</i> di Masa Jahiliah dan Islam	<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	1
22.	Hukum Membuat Perumpamaan dan Menggambar	<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	1
23.	Zihar dan <i>Kafārat</i> -nya Dalam Islam	<i>Al-Aḥkām al-Shar`iyyah</i>	1
24.	Percampuran Antara Orang Islam dan Orang Mushrik	<i>Laṭāif al-Tafsīr</i>	1

Jadi, jumlah ḥadīth yang diriwayatkan Ibnu `Abbās secara keseluruhannya ialah 34, yang terbahagi dalam beberapa sub tajuk; *al-Aḥkām al-Shar'īyah* ada 24, *Laṭā'if al-Tafsīr* ada 3, *Sabab al-Nuzūl* ada 6, dan lain-lain 1.

Dalam hitungan pengkaji pula, dari beberapa nama sahabat besar yang merawikan ḥadīth dalam kitab ini, Ibnu `Abbās adalah yang paling banyak dinukil oleh al-Ṣābūnī, kemudian `Āishah, Abū Hurairah dan `Abd Allāh bin `Umar. Empat nama sahabat itu tidak hanya kebetulan, kerana mereka adalah ahli tafsir dan feqah sekaligus. Jadi, sangat bersesuaian sekali, jika nama-nama mereka ada dalam senarai rawi terbanyak. Di bawah ini rajah tentang peratusan empat nama rawi sahabat terbanyak dalam kitab *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*.


Rajah I : Empat Nama Sahabat Sebagai Rawi Terbanyak Dalam Kitab *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* karya Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī.¹



¹ Untuk melihat semua nama-nama rawi sahabat dan jumlah ḥadīth yang diriwayatkan dalam kitab ini, sila lihat lampiran I.

Dari rajah di atas, dapatlah dilihat dengan jelas bahawa posisi Ibnu `Abbās menempati tempat pertama dalam urutan rawi terbanyak dalam kitab *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* ini, dan diikuti oleh sahabat-sahabat besar lainnya. Ini menunjukkan bahawa posisi Ibnu `Abbās sangatlah penting dalam kitab ini, sehingga ḥadīth-ḥadīthnya banyak dijadikan rujukan pengarang. Dan itu semua ada dalam tiga sub topik utama. Di bawah ini peratusan jumlahnya dalam rajah 2.

Rajah II : Taburan ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās dalam peratusan sub topik kitab *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* karya Muhammad `Ali al-Ṣābūnī



Rajah ini menunjukkan peletakan ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās dalam beberapa sub topik besar dalam kitab *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*. Namun, secara umum, ḥadīth-ḥadīth tersebut terbahagi dalam 3 sub topik besar sahaja iaitu *al-aḥkam al-shar'iyah* (perbincangan tentang hukum-hukum Islam), *sabab al-nuzūl* (sebab-sebab turunnya sebuah ayat al-Quran) dan *laṭā'if al-tafsir* (rahsia-rahsia sebuah ayat). Manakala yang lainnya tersebar dalam tujuh topik yang lain.

4.2 Ulasan Tentang Bilangan Ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās Yang Terdapat Dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*

Dari jumlah keseluruhan ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās di atas, kita dapat mengetahui bahawa majoritinya terdapat dalam sub tajuk *al-Aḥkām al-Shar'iyah*, kemudian *sabab al-nuzūl*, *laṭā'if al-tafsir*, dan satu ḥadīth ada dalam topik tentang surah

al-Fatihah. Dan ianya tidak menjadi bahagian dalam sepuluh sub topik yang menjadi perbincangan al-Ṣābūnī.

Dalam pandangan pengkaji, ḥadīth-ḥadīth itu banyak dalam sub topik *al-Aḥkām al-Shar`iyyah* ialah kerana sub tajuk tersebut membincang tentang masalah fiqhiyyah, di mana penulis menjelaskan kepelbagaian pandangan ulama dan mazhab dalam satu perbincangan tentang masalah feqah. Beliau kadang juga menyebutkan dengan dalilnya sekali gus, seperti hujah al-Quran atau ḥadīth. Dan ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās banyak membincangkan tentang persoalan feqah. Jadi, logik sekali, apabila ḥadīth berkenaan banyak bertaburan dalam sub tajuk tersebut. Dan tentu sahaja, Ibnu `Abbās hanya satu dari beberapa perawi ḥadīth dalam sub topik ini. Selain ḥadīth, dalam sub topik *al-Aḥkām al-Shar`iyyah* ini, sebenarnya al-Ṣābūnī juga banyak menukil perkataan Ibnu `Abbās yang berupa *āthār*, dan ini lebih banyak dari jumlah ḥadīth yang diriwayatkannya.²

Dengan demikian, ini menunjukkan bahawa posisi Ibnu `Abbās, sama ada sebagai periwayat ḥadīth atau sahabat yang banyak mengetahui makna al-Quran mempunyai peranan penting dalam kitab ini. Bahkan, dalam mentarjih beberapa pandangan mazhab tentang satu masalah feqah, beliau terkadang merujuk kepada pandangan Ibnu `Abbās.³

Adapun sebab ia juga banyak dalam subtajuk *sabab al-nuzūl*, kerana ayat-ayat berkenaan juga menjelaskan tentang tajuk-tajuk feqah. Sebagai ahli tafsir, seperti yang

² Dalam hitungan pengkaji, ada 83 *āthār* Ibnu `Abbās yang dinukil penulis dalam kitab ini, dan sebahagian besarnya ada dalam subtopik *al-Aḥkām al-Shar`iyyah* iaitu 42. Untuk lebih jelas, jumlah *āthār* Ibnu `Abbās dan peletakannya dalam sub topik, sila lihat lampiran II.

³ Seperti perbincangan tentang bulan-bulan haji, al-Ṣābūnī menukil pandangan jumhur iaitu al-Imam Mālik, al-Shafi`i dan Aḥmad yang berpendapat bahawa bulan haji iaitu Syawal, Zulqadāh dan sepuluh hari bulan Zulhijjah. Kemudian, beliau mengatakan bahawa itu juga yang menjadi pegangan Ibnu `Abbās. Lihat Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit*, h. 5. Lihat Juga perbincangan tentang mut`ah, h. 380, perempuan muhrim, h. 457 dan sebagainya

didoakan Rasulullah, Ibnu `Abbās banyak mengetahui tafsir ayat dan sebab-sebab turunnya sekali gus. Sebab, untuk mengetahui tafsir al-Quran secara baik, maka seorang pentafsir harus mengetahui beberapa *`ulūm al-Qur'ān* dan salah satunya ialah *sabab al-nuzūl*.⁴ Kerana itu, ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās banyak banyak terdapat dalam sub topik ini. Dan apabila dilihat dari nota kaki penulis, nampak jelas bahawa ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās telah dinukil oleh para mufassir terkenal sebelumnya seperti tafsir al-Ṭabarī, al-Kashhāf, Ibnu Kathīr, al-Qurṭubī, Rūḥ al-Ma`ānī, dan Fakhr al-Razī.⁵

Manakala alasan ianya ada dalam *laṭā'if al-tafsīr* ialah kerana dalam perbahasan ini mengandungi tentang petunjuk rahsia-rahsia dari sesebuah ayat, sehingga penulis banyak menukil ḥadīth-ḥadīth Rasulullah, dan salah satu rawinya ialah Ibnu `Abbās sendiri.

Jadi, dalam menjelaskan tentang rahsia-rahsia ayat, tentu sahaja al-Ṣābūnī memerlukan ḥadīth-ḥadīth Rasulullah untuk dalil dan bukti kekukuhan penjelasannya. Sebab, menjelaskan rahsia ayat tanpa berhujah dengan dalil naqli, dikhuatirkan akan jatuh kepada pemahaman yang salah dan mengikut hawa nafsu semata. Kerana itu, posisi ḥadīth dalam sub topik ini sangat penting untuk jadi landasan hukum. Dan tentu sahaja, ḥadīth ataupun athār Ibnu `Abbās hanya salah satu dari perawi-perawi sahabat yang lain.

⁴ Ini menunjukkan keberkaitan pentingnya *sabāb al-nuzūl* bagi seorang mufassir. Dalam kitab-kitab *`ulūm al-Qur'ān* atau *`ulūm al-tafsīr*, sama ada yang klasik ataupun yang moden, majoriti ulama sepakat tentang pentingnya mempelajari dan mengetahui *asbāb al-nuzūl* dalam rangka memahami atau mentafsirkan al-Quran. Syeikh Islam Ibn Taimiyah menyebutkan bahawa penguasaan *asbāb al-nuzūl* merupakan elemen penting dalam memahami sesebuah ayat, kerana sesungguhnya pengetahuan tentang "sebab" akan melahirkan tentang pengetahuan tentang "akibat." Roem Rowi (2005), "*Menimbang Kembali Signifikansi Asbāb al-Nuzūl Dalam Pemahaman al-Qur'ān*", Surabaya: (t.t.p), h. 10.

⁵ Disamping itu, ciri-ciri ḥadīth Ibnu `Abbās juga panjang-panjang. Lihat contoh dalam Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit*, h. 261, 284.

4.3 Pengertian *Takhrīj al-Ḥadīth*

Takhrīj al-Ḥadīth dalam kajian *ʿulūm al-ḥadīth* disebut juga sebagai 'kritik ḥadīth'. Dalam bahasa Arabnya disebut *naqd*. *Ḥadīth* berasal dari perkataan “ حَدَّثَ “ (Hadatha) yang membawa maksud baru lawan kepada lama (*qadīm*), perkhabaran, perbualan dan cerita. Dari segi bahasa, *al-Ḥadīth* ialah perkhabaran sama ada berkaitan dengan keagamaan atau keduniaan atau yang telah berlaku atau yang sedang berlaku dan sama ada ianya sedikit atau banyak.⁶

Manakala *ḥadīth* dari segi istilah ialah semua perkara yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w sama ada percakapan, perbuatan dan ikrar atau sifat, sama ada yang berlaku sebelum dibangkitkan menjadi Rasul seperti *taḥannuth* iaitu ibadat yang dilakukan oleh Rasulullah di Gua Hira' atau sesudah dilantik menjadi Rasul.⁷

Ilmu ini baru dikenal pada abad kedua atau awal abad ketiga hijriah. Karya pertama yang dianggap membahas tentang kritik ḥadīth ialah *Kitāb al-Tamyīz* karya al-Imam Muslim (206-261 H).⁸ Penyelidikan ḥadīth yang ṣaḥīḥ dari yang palsu, sebenarnya telah pun dimulai sejak Rasulullah. Pada masa itu, ramai sahabat yang mendatangi beliau bagi memastikan sama ada benar atau tidaknya yang baginda nyatakan.⁹

Beberapa ulama yang secara khusus meneliti tentang ḥadīth-ḥadīth *mawḍuʿ*, antaranya ialah: al-Imam Aḥmad ibn Ḥanbal (w. 241 H), Yaḥya bin Maʿin (w. 256 H),

⁶ Muḥammad Jamāl al-Dīn al-Qāsimī al-Dimashqī (1993), *Qawā'id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth*, Taḥqīq: Muḥammad Bahjah al-Baytarī, c. 2, Bayrūt; Dār al-Nafā'is, h. 61.

⁷ Dr. Muḥammad ʿAjāj al-Khaṭīb (1961), *Uṣūl al-Ḥadīth; ʿUlūmuh wa Muṣṭalaḥuh*, Mesir; Dār al-Fikr, h. 19.

⁸ Bustamin (2003), *Perubahan Metodologi Kritik Matan Hadis*, dalam Jurnal Refleksi (Jurnal Kajian Agama dan Filsafat), Jakarta: Fakultas Usuluddin dan Filsafat, h. 28.

⁹ Muhammad Mustafa Azami (1989), *Kajian Metodologi dan Penulisan Ḥadīth*, Engku Ibrahim Engku Ismail (terj), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 68.

al-Nawāwī (w. 676 H), Ibn Taymiyah (w. 728 H), al-Zarkashī (w. 794 H), Ibn Hajar al-`Asqalānī (w. 852 H), Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (w. 911 H).¹⁰

4.3.1 Fungsi *Takhrīj al-Ḥadīth*

Al-Imam Ibn al-Ṣalāh berkata bahawa untuk membezakan antara ḥadīth ṣaḥīḥ dengan yang palsu adalah harus memenuhi lima syarat iaitu: Pertama, persambungan *sanad*. Kedua, keadilan rawi. Ketiga, *ke-dhabīth*-an rawi. Keempat, harus terhindar dari *shudzuz* dan kelima, terhindar dari *illat*.¹¹ Jadi, jelaslah bahawa *Takhrīj al-Ḥadīth* adalah bahagian dari usaha pemurnian ḥadīth-ḥadīth palsu. Dengan menelusuri *isnad* sesebuah ḥadīth dan meneliti matannya, maka dapat diketahui status ḥadīth berkenaan, sama ada ṣaḥīḥ atau ḍa`īf.

Pada masa Khalifah `Umar bin al-Khattāb, beliau sentiasa menghantar sejumlah guru al-Quran dan Sunnah ke daerah-daerah sekitar. Kita dapati, ke Basrah sahaja seramai 10 orang guru telah dihantar ke sana.¹² Dalam penyebaran ḥadīth ke daerah-daerah tersebut mungkin telah berlaku kesilapan pada ḥadīth. Oleh sebab itu, perlu adanya kritik ḥadīth atau *takhrīj*.

Namun, dalam pandangan beberapa ulama mengatakan bahawa pemalsuan ḥadīth pertama muncul ketika pembunuhan `Uthman dan peperangan antara `Ali dan Mu`awiyah. Dalam konteks ini, pemalsuan dilakukan untuk memberi kepercayaan pada satu pihak dan mencela pihak yang lain pula.¹³

¹⁰ Hasyim Abbas (2001), *Pemalsuan Terhadap Hadīth dan Ragam Pola Deteksinya*, dalam Jurnal "Al Tahrir", vol I, Ponorogo: STAIN Ponorogo, h. 32.

¹¹ Ibn al-Ṣalāh (1972), *Ulūm al-Ḥadīth*, Madīnah: al-Maktabah al-`Ilmiyah, h. 10. Lihat Juga al-Imām al-Nawāwī (t.t), *Al-Taqrīb li al-Nawawī Fān Usūl al-Ḥadīth*, Kairo: (t,p), h. 2. Syuhudi Ismail berusaha lebih meringkasnya lagi. Beliau menegaskan bahawa untuk memenuhi kriteria kesahihan *sanad*, maka harus memenuhi tiga syarat iaitu; 1) Tersambungnyanya *sanad*, 2) Keadilan Rawi dan 3) *Dabīth*-nya rawi. Lihat M. Syuhudi Ismail (1988), *Kaedah Kesahihan Sanad Hadīth*, Jakarta: Bulan Bintang, h. 132-133.

¹² Al-Imam al-Dhahabī (1956), *Siyār al-A`lām al-Nubalā*, Kaherah: (t.t.p), h. 345, 363.

¹³ Muhammad Mustafa Azami(1989), *op.cit*, h. 69.

Ada beberapa sebab, penelitian sanad dan matan sebuah ḥadīth menjadi penting. *Pertama*, pada zaman Nabi s.a.w, tidak semua ḥadīth ditulis. *Kedua*, sesudah zaman Nabi s.a.w, terjadi pemalsuan ḥadīth. *Ketiga*, pen-*tadwīn*-an ḥadīth secara rasmi dilakukan setelah banyak terjadi pemalsuan ḥadīth.¹⁴ Pandangan ini sesuai dengan kaedah kesahihan ḥadīth, seperti yang ditulis oleh Ibn al-Ṣalāh (w. 643 H/1245 M).

Beliau berkata:¹⁵ *أَمَّا الْحَدِيثُ الصَّحِيحُ فَهُوَ الْحَدِيثُ الْمَسْنُودُ الَّذِي يَتَّصِلُ إِسْنَادُهُ بِتَقْلِ الْعَدْلِ الضَّابِطِ عَنِ الْعَدْلِ الضَّابِطِ إِلَى مُنْتَهَاهُ وَلَا يَكُونُ شَاذًا وَلَا مُعَلَّلًا*

Maksudnya: Ḥadīth ṣaḥīḥ ialah ḥadīth yang bersambung sanadnya, diriwayatkan oleh perawi yang adil dan ḍabit sampai akhir sanadnya, tidak terdapat syadz dan kecacatan.

4.3.2 Metode Pentakhrijan Ḥadīth

Dalam usaha mentakhrij dan mencari sumber terhadap sesebuah hadith, terdapat beberapa kaedah yang ditetapkan oleh para ulama. Daripada penelitian penulis, terdapat enam kaedah yang dapat digunakan untuk mentakhrij ḥadīth, iaitu: *Pertama*, Takhrīj ḥadīth melalui nama Sahabat. *Kedua*, *Takhrīj ḥadīth* melalui perkataan awal pada matan ḥadīth. *Ketiga*, *Takhrīj ḥadīth* melalui perkataan yang jarang ditemui dalam matan (*kalimah gharībah*). *Keempat*, *Takhrīj ḥadīth* mengikut tajuk hadith. *Kelima*, *Takhrīj ḥadīth* dengan cara melihat keadaan matan dan sanad hadith. *Keenam*, *Takhrīj ḥadīth* melalui penggunaan teknologi terkini seperti penggunaan perisian dan Internet.

Namun demikian, penulis tidak akan menjelaskan setiap metode tersebut secara terperinci. Apa yang hendak ditekankan di sini adalah bagaimana penulis mengaplikasikan metode-metode tersebut walaupun bukan secara keseluruhan. Oleh

¹⁴ Bustamin (2003), *op.cit*, h. 31.

¹⁵ Abū `Amr Uthmān ibn `Abdurrahman ibn al-Ṣalāh (1972), *op.cit*, h. 7.

hal yang demikian, beberapa pendekatan dan langkah akan dijalankan oleh penulis untuk mencari, meneliti dan menganalisis kualiti hadith sebagaimana berikut:

1. Mengutip teks-teks ḥadīth riwayat Ibn `Abbās yang terdapat dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur`ān* karya Syeikh `Alī al-Ṣābūnī.
2. Mencari sumber ḥadīth tersebut di dalam kitab-kitab sumber induk, seperti *al-Kutub al-Tis`ah*, *Mustadrak al-Ḥākim*, *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*, *Sunan al-Bayhaqī*, *Tafsir al-Ṭabarī*, dan sebagainya. Penulis akan mengumpulkan penjelasan suatu ḥadīth yang diteliti dengan mencatat nama buku, pengarang, kitab, bab, jilid, halaman, nombor hadith, perawi, dan kualiti sanad hadith jika ada.
3. Untuk memudahkan pencarian suatu ḥadīth, penulis menggunakan perisian ḥadīth seperti *al-Maktabah al-Shāmilah*. Begitu juga menggunakan internet menerusi beberapa laman web seperti www.hadith.net, www.al-islam.com, www.dorar.com dan sebagainya. Perisian dan laman web ini hanya digunakan untuk membantu penulis dalam menemukan keberadaan suatu hadith dengan mudah di dalam mana-mana kitab sumber.
4. Ḥadīth-ḥadīth yang ditakhrij oleh al-Bukhārī dan Muslim, masing-masing dalam kitab *Ṣaḥīḥ*-nya, dinilai sebagai hadith ṣaḥīḥ, sebab riwayat masing-masing keduanya tidak diragukan lagi kualiti kesahihannya.
5. Ḥadīth-ḥadīth yang diriwayatkan oleh selain al-Bukhārī dan Muslim, penulis akan berusaha mencari pendapat-pendapat ulama ḥadīth mengenai nilai ḥadīth itu, sama ada ulama terdahulu (*mutaqaddim*) seperti al-Tirmidhī, Ibn Ḥibbān, al-Ḥākim, al-Bayhaqī, mahupun ulama yang datang setelahnya (*muta`akhkhir*) seperti al-Dhahabī, al-Zayla`ī, al-`Irāqī, Ibn Ḥajar, dan al-Suyūṭī, serta pendapat ulama kontemporari (*mu`asir*) seperti Shu`ayb al-Arnawṭ, al-Albānī dan lain-lain.

6. Ḥadīth-ḥadīth yang tidak ditemukan atau tidak disebutkan hukumnya oleh ulama, maka penulis berusaha mengetahui kualiti hadithnya melalui perawinya. Dalam meneliti ḥadīth-ḥadīth terkait, penulis akan merujuk kepada kitab-kitab ‘*Ulūm al-Ḥadīth* dan *al-Jarḥ wa al-Ta’dīl*. Penulis akan memberi nilai *ṣaḥīḥ* bagi suatu ḥadīth apabila memenuhi kriteria atau syarat, iaitu: perawinya dipandang adil, sempurna ingatan (*dābiṭ*), sanadnya tersambung (*muttaṣil*), terhindar daripada ‘*illah* dan *shādh* sama ada pada sanad mahupun matannya. Jika syarat *ṣaḥīḥ* terpenuhi, namun ingatannya kurang handal, maka penulis menilainya *ḥasan li dhātih*. Sekiranya *ṭuruq* ḥadīthnya cukup banyak dan dapat diterima, maka akan dipandang *ṣaḥīḥ li ghayrih*. Kualiti sanad akan dipandang *ḍa’if*, apabila tidak memenuhi syarat *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan*. Penulis akan menilainya *ḥasan li ghayrih*, apabila *ṭuruq*-nya banyak selama tidak *ḍa’if jiddan*.
7. Ḥadīth yang tidak dapat ditemukan di dalam kitab-kitab sumber induk, maka penulis akan menjelaskan sumber yang memuat riwayat tersebut dan penulis akan menyebut “tidak diketahui”. Suatu ḥadīth hanya akan dinilai *mawḍū’* apabila terdapat pendapat ulama yang menilainya demikian.
8. Rangkaian sanad bagi ḥadīth-ḥadīth yang telah ditakhrīj akan dijelaskan dan disenaraikan dalam lampiran kajian ini.

4.4 Takhrīj Ḥadīth-Ḥadīth Ibnu `Abbās

Ḥadīth Pertama

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ قَالَ : بَيْنَمَا جِبْرَائِيلُ عَلَيْهِ السَّلَامُ قَاعِدٌ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَمِعَ نَقِيضًا مِنْ فَوْقِهِ، فَرَفَعَ رَأْسَهُ فَقَالَ : هَذَا بَابٌ مِنَ السَّمَاءِ، فَتُخْتَفَعُ الْيَوْمَ لَمْ يُفْتَحْ قَطُّ إِلَّا الْيَوْمَ ، فَانزَلَ مِنْهُ مَلَكٌ ، فَقَالَ : هَذَا مَلَكٌ نَزَلَ مِنَ الْأَرْضِ، لَمْ يَنْزِلْ قَطُّ إِلَّا الْيَوْمَ فَسَلَّمَ وَقَالَ : أَبَشِرْ بِنُورَيْنِ قَدْ أُوتِيَتْهُمَا، لَمْ يُؤْتَهُمَا نَبِيٌّ قَبْلَكَ فَاتَّحَهُ الْكِتَابِ وَ{خَوَاتِيمُ سُورَةِ الْبَقَرَةِ} . لَنْ تَقْرَأَ بِحَرْفٍ مِنْهُمَا إِلَّا أُوتِيَتْهُ .

Maksudnya: *Diriwayatkan oleh Muslim dalam kitab ṣaḥīḥ-nya daripada Ibnu `Abbās r.a, bahawasanya beliau berkata : Ketika Jibraīl sedang duduk bersama Nabi s.a.w, beliau mendengar suara dari arah atas, kemudian beliau mengangkat kepalanya dan mengatakan ini adalah pintu langit sekarang telah dibuka dan belum pernah terbuka sebelumnya, kemudian dari pintu tersebut turunlah seorang malaikat, kemudian Jibraīl berkata: Malaikat ini turun ke bumi dan belum pernah turun sebelumnya kemudian beliau mengucapkan salam, dan berkata: berbahagialah wahai Muhammad, kalian telah diberikan dua cahaya yang belum pernah diberikan kepada Nabi sebelum kamu iaitu (Fātiḥat al-Kitāb) dan (akhir surah al-Baqarah). Jika anda membacanya, nescaya akan diberikan isinya."*

Takhrīj ḥadīth:

1. Imam Abū Ḥusayn Muslim Ibn Hajjāj Ibn Muslim al-Qushayrī al-Naysābūrī, *Ṣaḥīḥ Muslim*,¹⁶ Kitāb Ṣalāh al-Musāfirīn wa Qaṣriḥā, Bāb Faḍl al-Fātiḥah wa Khawātīm Sūrah al-Baqarah, ḥadīth no: 1877. Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
2. Aḥmad bin Shu`ayb bin `Alī al-Nasā`ī dalam *Sunan al-Nasā`ī al-Kubrā*,¹⁷ Kitāb Faḍāil al-Qurān, Bāb Faḍl Fātiḥat al-Kitāb, Bayrūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, ḥadīth no: 8014. Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ, ianya diriwayatkan oleh al-Imām Muslim (w. 261 H) dalam kitab *Ṣaḥīh*-nya.

¹⁶ Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Naysābūrī selepas ini Muslim (2000), *Ṣaḥīḥ Muslim*, dalam Ṣāleḥ bin `Abd al-`Azīz `Alī Shaykh, *Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, c. 3, Riyāḍ: Dār al-Salām, h. 804.

¹⁷ Aḥmad bin Shu`ayb bin `Alī al-Nasā`ī selepas ini al-Nasā`ī (1991), *Sunan al-Nasā`ī al-Kubrā*, taḥqīq: Dr. `Abd al-Ghaffār Sulaymān, Kitāb Faḍāil al-Qurān, Bāb Faḍl Fātiḥat al-Kitāb, j. 5, Bayrūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 12.

Keterangan ḥadīth:

Dalam keterangannya, al-Ṣābūnī membawakan tiga ḥadīth berkenaan dengan keutamaan surah al-Fātiḥah. Satu dikeluarkan oleh al-Bukhārī dari sahabat Abī Sa`īd al-Khudrī, kemudian oleh al-Imām al-Aḥmad bin Ḥanbal dari sahabat Ubay bin Ka`ab, dan yang terakhir adalah yang disebutkan penulis di atas. Ḥadīth yang diriwayatkan al-Imām al-Aḥmad adalah *ṣaḥīḥ* seperti disebutkan penulis dalam nota kaki.¹⁸ Dengan demikian, ḥadīth riwayat Ibnu `Abbās di atas memperkukuh kedudukan tentang keutamaan surah al-Fātiḥah. Bahkan, menurut al-Ṣābūnī ianya merupakan riwayat yang paling ṣaḥīḥ di antara ketiga ḥadīth tersebut.¹⁹

Ḥadīth Kedua

حَدِيثُ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَفْتَحُ الصَّلَاةَ بِبِسْمِ
اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.

Maksudnya: *Ḥadīth Ibnu `Abbās r.a, bahawa Rasulullah s.a.w memulai bacaan solat dengan Bismillahirrahmanirrahīm".*

Takhrīj ḥadīth:

1. Abū Isa Muḥammad Ibn Isa Ibn Surah al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*,²⁰ Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Man Ra`ā al-Jahr bi Bismillāh al-Raḥmān al-Raḥīm, no: 245. Ḥadīth ini ḍa`īf.
2. Al-Darqūṭnī, *Sunan al-Dārquṭnī*,²¹ Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Wujūb Qirā`ah Bismillāhirrahmanirrahīm fī al-ṣalāh wa al-jahr bihā wa ikhtilāf, no: 8. Ḥadīth ini ḍa`īf.

Darjat ḥadīth:

Isnad ḥadīth ini ḍa`īf, dikatakan oleh Abū Dāwud: ḥadīth ini ḍa`īf²². Dan dikatakan oleh Abū Isa bahawa ḥadīth ini tidak mempunyai isnad yang kuat.²³ Al-Albānī menghukum ḥadīth ini ḍa`īf sebab terdapat dalam sanadnya Abū Khālid yang dinilai sebagai *majhūl* (Tidak diketahui).²⁴

¹⁸ Lihat Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit.*, j 1, h. 15.

¹⁹ *Ibid*, h. 15.

²⁰ Abū Isa Muḥammad Ibn Isa Ibn Sūrah al-Tirmidhī, selepas ini al-Tirmidhī (2000), *Sunan al-Tirmidhī* Ṣāleh bin `Abd al-`Azīz `Alī Shaykh, *Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, c. 3, Riyāḍ: Dār al-Salām, h. 1662.

²¹ `Alī Ibn `Umar Abū al-Ḥasan al-Darqūṭnī al-Baghdādī selepas ini al-Darqūṭnī (1966), *Sunan al-Darqūṭnī*, j. 1, Bayrūt: Dār al-Ma`rifah, h. 304.

²² Abū al-Faḍl Aḥmad Ibn `Alī Ibn Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Ḥajar al-`Asqalānī selepas ini Ibn Ḥajar (t.t), *al-Talkhīs al-Kabīr fī Takhrīj al-Rafi`i al-Kabīr*, Kitāb al-Ṣalāh, Bab Ṣifah al-Ṣalāh, j. 1, (t.t.p): Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 576.

²³ Al-Tirmidhī (2000), *op.cit.*, h. 1662.

²⁴ Lihat Muḥammad Nāṣir al-Dīn bin al-Ḥāj Nūḥ al-Albānī selepas ini al-Albānī (1992), *Silsilah al-Aḥādīth al-Ḍa`īfah wa al-Mawḍū`ah*, j. 13. Riyāḍ: Dār al-Ma`ārif, h. 952-954.

Ḥadīth Ketiga

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ لَا يَعْرِفُ فَصْلَ السُّورَةِ حَتَّى يَنْزِلَ عَلَيْهِ "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ".

Maksudnya: *Diriwayatkan oleh Ibnu `Abbās r.a, bahawasanya Rasulullah s.a.w tidak mengetahui pemisah antara surat-surat (dalam al-Quran) sehingga turun kepada baginda "Bismillaḥirraḥmanirraḥīm".*

Takhrīj ḥadīth:

1. Sulaymān Ibn Ash`aṭ al-Sajistānī al-Azdi Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Man Jahara Bihā, no: 788.²⁵ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
2. Al-Ḥākim, *Al-Mustadrak `Ala al-Ṣaḥīḥayn li al-Ḥākim Ma`a Ta`liqāt al-Dhahabī fī al-Talkhīs*,²⁶ Kitāb al-Imāmah wa Ṣalāh al-Jamā`ah, Bāb al-Ta`mīn, no: 845. Ḥadīth ini ṣaḥīḥ

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ, ianya dinyatakan oleh Imām al-Suyūṭī dengan lafaz "صح" di dalam *Al-Jāmi` al-Saghīr min Ḥadīth al-Baṣīr al-Nadhīr*,²⁷ dan dikatakan oleh al-Imām al-Nawāwī: ḥadīth ṣaḥīḥ `ala syart al-Bukhārī wa Muslim.²⁸

Keterangan ḥadīth:

Ḥadīth yang kedua di atas dijadikan hujah oleh mazhab al-Shāfi`ī yang berpandangan bahawa *basmalah* adalah bahagian daripada surah al-Fātiḥah dan ayat dari setiap surah. Manakala ḥadīth yang ketiga adalah pandangan mazhab Hanafi yang mengatakan bahawa ianya bahagian daripada ayat al-Quran, dan bukannya ayat dari setiap surah. Peletakannya di awal surah adalah untuk pemisah di antara setiap surah.

²⁵ Sulaymān Ibn Ash`aṭ al-Sajistānī al-Azdi Abū Dāwud selepas ini Abū Dāwud (2000), *Sunan Abī Dāwud*, dalam Ṣāleḥ bin `Abd al-`Azīz Āli Shaykh, *Mawsū`ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, c. 3, Riyāḍ: Dār al-Salām, h. 1281.

²⁶ Muḥammad Ibn `Abd Allāh Abū `Abd Allāh al-Ḥākim al-Naysābūrī selepas ini al-Ḥākim (1411 H), *al-Mustadrak `ala al-Ṣaḥīḥayn li al-Ḥākim Ma`a Ta`liqāt al-Dhahabī fī al-Talkhīs*, selepas ini "al-Mustadrak", Taḥqīq: Mustafa `Abd al-Qadīr `Aṭa`, Bayrūt: Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 355.

²⁷ Imām Jalāl al-Dīn `Abd al-Raḥman Ibn Abī Bakr Ibn Muḥammad Ibn Sabīq al-Dīn al-Sūyūṭī selepas ini al-Sūyūṭī (t.t), *Al-Jāmi` al-Saghīr*, Bāb "Kāna" wa hiya al-Shamā`il al-Sharīfah, no: 6903, j. 2, h. 203.

²⁸ Abū Zakariya Muḥy al-Dīn Yaḥya Ibn Sharaf al-Nawawī (t.t), *Khulāsah al-Aḥkām fī Muḥimmat al-Sunan wa Qawā`id al-Islām*, Kitāb Mawāḍi` al-Ṣalāh wa ma Yusallī `Alaihi wa Fīhi wa Tajannub al-Najāṣah, Bāb Ma Jā`a fī al-Basmalah Fī Awwal al-Fātiḥat wa Ghayriha siwā Bara`ah, j.1, no: 1130, Bayrūt: Mu`assasah al-Risālah, h.367

Seperti disebutkan dalam bab sebelumnya, ḥadīth yang kedua adalah *ḍaʿīf*, dan ḥadīth yang ketiga *ṣaḥīḥ*. Dalam perbincangan tajuk di atas, al-Ṣābūnī membawakan empat ḥadīth untuk mazhab al-Shāfiʿī, iaitu dari riwayat Abū Hurairah, Ibnu ʿAbbās dan dua dari Anas bin Mālik. Sekalipun riwayat Ibnu ʿAbbās adalah lemah, namun dua ḥadīth dari Anas bin Mālik adalah *ṣaḥīḥ*. Hal itu disebutkan penulis dalam nota kaki. Kedua-dua ḥadīth tersebut dikeluarkan oleh al-Bukhārī, Muslim, al-Nasāʿi, al-Tirmidhī dan Ibnu Mājah.²⁹ Selain itu, mazhab Shāfiʿī menggunakan hujah *aqliyyah*, di mana disebutkan bahawa dalam al-Quran *basmalah* disebutkan di awal surah al-Fātiḥah dan di semua surah-surah yang lain kecuali surah Tawbah. Ini menunjukkan bahawa *basmalah* merupakan bahagian surah al-Fātiḥah. Jadi, secara umum, pandangan mazhab Shāfiʿī adalah betul, kerana didukung oleh dalil *naqlī* dan *ʿaqlī*.

Daripada tiga pandangan di atas, pandangan yang lebih *rajīh*, seperti juga disebutkan penulis adalah pandangan mazhab Hanafī. Hal ini kerana pandangannya yang moderat dan *tawasut* antara dua *qawl* yang berbeza iaitu mazhab Mālik³⁰ dan al-Shāfiʿī bahawa *basmalah* adalah salah satu ayat daripada al-Quran sebagai pemisah di antara setiap surah. Ini juga bersesuaian dengan ḥadīth Ibnu ʿAbbās yang dibawakan oleh mazhab Hanafī di atas. Jadi, ia bukanlah bahagian dari al-Fātiḥah semata atau surah tertentu.³¹ Dan ḥadīth-ḥadīth yang dibawakan oleh al-Shāfiʿī juga memperkukuh bahawa *basmalah* bahagian dari ayat al-Quran.

Ḥadīth Keempat

رُوي عن ابن عباس أنه قال : لما وجه النبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الكَعْبَةِ، قَالُوا يَا رَسُولَ اللهِ :
فَكَيْفَ بِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ مَاتُوا وَهُمْ يُصَلُّونَ إِلَى بَيْتِ الْمُقَدَّسِ؟ فَأَنْزَلَ اللهُ تَعَالَى (وَمَا كَانَ اللهُ لِيُضَيِّعَ
إِيمَانَكُمْ).

Maksudnya: *Diriwayatkan oleh Ibnu ʿAbbās bahawasanya beliau berkata: ketika Nabi s.a.w (sembahyang) menghadap ke arah Ka'bah, para sahabat berkata, wahai Rasulullah: bagaimana dengan saudara-saudara kami yang telah meninggal sedangkan mereka solat menghadap kearah Baitul Maqdis? Kemudian Allah Ta'ala menurunkan ayat (Dan tidaklah Allah akan menyia-nyikan iman kalian).*

Takhrīj ḥadīth:

1. Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, Kitāb al-Sunnah, Bāb al-Dalīl ʿala Ziyādah al-Īmān wa Nuqṣānihi, no: 4680.³² Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
2. Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb Abwāb Tafsīr al-Qurʿān ʿan Rasūlillah s.a.w., Bāb wa min sūrah al-Baqarah, no: 2964.³³ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.

²⁹ Muḥammad ʿAlī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit.*, j 1, h. 48.

³⁰ Imam Mālik berpandangan bahawa *basmalah* bukanlah bahagian daripada al-Fātiḥah dan surah. *Ibid*, h. 53.

³¹ *Ibid*, h. 52.

³² Abū Dāwud (2000), *op.cit.*, h. 1567.

³³ Al-Tirmidhī (2000), *op.cit.*, h. 1950.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ, Abū Isa di dalam Sunannya berkata: Ḥadīth ini ḥasan ṣaḥīḥ.³⁴ Menurut al-Ḥākim di dalam *al-Mustadrak*: sanadnya ṣaḥīḥ dan tidak diriwayatkan oleh Bukhārī dan Muslim³⁵, al-Dhahabī berkata di dalam *al-Talkhīs*: ṣaḥīḥ³⁶.

Keterangan ḥadīth:

Dalam penjelasannya, ḥadīth ini dinukil al-Ṣābūnī daripada perkataan Imām al-Qurṭubī yang mengatakan semua ulama sepakat bahawa ḥadīth di atas merupakan *sabab al-nuzūl* dari surah al-Baqarah ayat 142-145 tentang perubahan arah kiblat bagi orang Islam. Dengan status ḥadīth ini adalah *ṣaḥīḥ*, maka ianya benar-benar menjadi *sabab al-nuzūl* ayat tersebut.

Ḥadīth Kelima

عن ابن عباس، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: الْبَيْتُ قِبْلَةٌ لِأَهْلِ الْمَسْجِدِ، وَالْمَسْجِدُ قِبْلَةٌ لِأَهْلِ الْحَرَامِ، وَالْحَرَامُ قِبْلَةٌ لِأَهْلِ الْأَرْضِ فِي مَشَارِقِهَا وَمَغَارِبِهَا مِنْ أُمَّتِي.

Maksudnya: *Ka`bah adalah kiblat bagi mereka yang berada dalam Masjid al-Haram dan Masjid al-Haram adalah kiblat bagi penduduk tanah haram Mekah dan tanah haram Mekah adalah kiblat bagi penduduk bumi dari timur sampai ke barat daripada umatku.*

Takhrīj ḥadīth:

Imām al-Bayhaqī, *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*³⁷, Kitāb al-Ḥayd, Bāb Man Ṭalaba bi Ijtihādihi Jihat al-Ka`bah, no: 2066. Hadith ini ḍa`īf.

Darjat ḥadīth:

Isnad ḥadīth ini ḍa`īf. Hal tersebut dikatakan oleh Imām al-Bayhaqī: bahawa `Umar ibn Hafṣ al-Makki *huwa ḍa`if la yuḥtājju bihi*, dan diriwayatkan dari isnad ḍa`īf lain iaitu `Abd Allāh ibn Habashi: *Wa la yuḥtājju bimithlihi*³⁸. Dan dikatakan oleh al-Ḥāfiẓ dalam *al-Talkhīs*: ḥadīth ini diriwayatkan oleh al-Bayhaqī dengan isnad yang ḍa`īf.³⁹

³⁴ *Ibid.*

³⁵ Jamāl al-Dīn `Abd Allāh Ibn Yūsuf Ibn Muḥammad al-Zaylā`ī selepas ini al-Zaylā`ī (1414 H), *Takhrīj al-Aḥādīth wa al-Athār al-Waqī'ah Fī Tafsīr al-Kashhāf li al-Zamakhsharī*, Taḥqīq: `Abd Allāh Ibn `Abd Raḥman al-Sa`ad, Bāb Sūrah al-Baqarah, j.1, Riyāḍ: Dār Ibn Khuzaimah, h. 94.

³⁶ Al-Ḥākim (1411 H), *op.cit.*, j. 2, h. 295.

³⁷ Aḥmad ibn al-Ḥusein ibn `Alī ibn Mūsa Abū Bakr al-Bayhaqī selepas ini al-Bayhaqī (1994), *Sunan al-Bayhaqī al-Kubrā*, j. 2, Mekah al-Mukarramah: Maktabah Dār al-Baz, h. 9.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ Ibn Ḥajar (t.t), *op.cit.*, j. 1, h. 213.

Keterangan ḥadīth:

Ada dua pandangan tentang masalah tersebut. *Pertama*, mazhab al-Shāfi`i dan Ḥanbalī yang mengatakan wajib menghadap kepada *zat ka`bah* secara langsung. *Kedua*, mazhab Ḥanafī dan Māliki yang berpandangan wajib menghadap ke arah Ka`bah sahaja. Ḥadīth di atas adalah hujah bagi kelompok yang kedua ini dan isnadnya adalah *ḍa`īf*.

Namun demikian, secara dalil, kelompok ini membawakan hujah lain berupa ayat al-Quran, *amal al-ṣaḥābah* dan alasan logik. Selain itu, mereka membawakan ḥadīth lain yang dikeluarkan oleh Ibnu Mājah, al-Tirmidhī dari riwayat Abū Hurairah dan ianya adalah *ṣaḥīḥ* seperti disebutkan penulis dalam nota kaki. Kerana itu, secara dalil dan hujah, pandangan Mālik dan Hanāfi lebih dapat diterima, kerana memandangkan banyak umat Islam yang tinggal berjauhan dari Ka`bah, seperti Asia atau Afrika, sehingga mereka solat hanya dapat menghadap ke arah Ka`bah sahaja. Hal ini juga diperjelaskan penulis dalam *tarjīh*-nya.⁴⁰

Ḥadīth Keenam

مَا رُوِيَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ: يَا أَهْلَ مَكَّةَ لَا تَقْصِرُوا فِي أَدْنَى مِنْ أَرْبَعَةِ بُرْدٍ مِنْ مَكَّةَ إِلَى عَسْفَانَ.

Maksudnya: *Ḥadīth yang diriwayatkan daripada Nabi s.a.w. bahawa baginda bersabda: Wahai penduduk Mekah, janganlah kalian meringkaskan solat (Qasar) ketika berpergian kurang dari empat burd (iaitu kurang lebih 80 KM) dari Mekah sampai `Asafān.*

Takhrīj ḥadīth:

1. Al-Daraqūṭnī, *Sunan al-Daraqūṭnī*, Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Qadr al-Masafah allati Taqṣur fī Mithlihā Ṣalāh wa Qadr al-Muddah, no:1.⁴¹ Ḥadīth ini ḍa`īf.
2. Imām al-Bayhaqī, *Sunan al-Bayhaqī al-Kubra*, Kitāb al-Ṣalāh, Bāb al-Ṣafar alladhī la Yaqṣur fī Mithlihi al-Ṣalāh, no: 5187.⁴² Ḥadīth ini ḍa`īf.
3. Imām al-Ṭabrānī, *Al-Mu`jam al-Kabīr*, Bāb al-`ain, Aḥādīth `Abd Allāh ibn Abbās ibn `Abd al-Muṭālib ibn Hāshim ibn `Abd Manāf, no: 11162.⁴³ Ḥadīth ini ḍa`īf.

⁴⁰ Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit.*, j. 1, h. 127.

⁴¹ Al-Daraqūṭnī (1966), *op.cit.*, j. 1, h. 387.

⁴² Al-Bayhaqī (1994), *op.cit.*, j. 3, h. 138.

⁴³ Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyub al-Ṭabrānī selepas ini al-Ṭabrānī (1983), *al-Mu`jam al-Kabīr*, Bāb al-`Ayn, Aḥādīth `Abd Allāh ibn `Abbās ibn `Abd al-Muṭālib ibn Hāshim ibn `Abd Manāf, j. 11, Mawsil: Maktabah al-`Ulum wa al-Hikam, h. 96.

Darjat ḥadīth:

Isnad ḥadīth ini ḍaʿīf. Hal itu dikatakan oleh al-Bayhaqī: ini ḥadīth ḍaʿīf, Ismāʿīl ibn ʿIyasy: *la yuḥtājju bihi*, dan ʿAbd al-Wahhāb ibn Mujāhid: *ḍaʿīf*, dan *ṣaḥīḥ* bahawa ianya dari perkataan Ibn ʿAbbās.⁴⁴ Dan dikatakan oleh Imam al-Nawāwī: diriwayatkan oleh al-Dar Qutnī dan al-Bayhaqī dengan sanad *ḍaʿīf jiddan*⁴⁵.

Keterangan ḥadīth:

Ada tiga pandangan tentang masalah tersebut. *Pertama*, al-Imām al-Awzāʿī mengatakan bahawa ianya perjalanan satu hari. *Kedua*, al-Imām al-Shāfiʿī dan Aḥmad yang mengatakan perjalanan dua hari dua malam (16 *farsakh*). Ḥadīth di atas merupakan hujah dari kedua imam ini. *Ketiga*, al-Imām Abū Hanīfah dan al-Imām al-Thaurī mengatakan perjalanan tiga hari tiga malam.

Qawl al-Imām Shāfiʿī dan Aḥmad ḥadīthnya adalah *ḍaʿīf*. Namun, dalam hujah yang lain, yang disebutkan dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* beliau menulis bahawa Ibnu ʿUmar dan Ibnu ʿAbbās berbuka puasa dan mengqasarkan solat dalam jarak 16 *farsakh*. Manakala pandangan al-Imām al-Awzāʿī tidak disertai hujah yang jelas. Kerana itu, dalam masalah ibadah, maka kita perlu lebih berhati-hati dan itu adalah pandangan al-Imām Abū Hanīfah dan al-Imām al-Thaurī. Hal ini juga dikatakan penulis dalam kitab ini dalam *tarjīh*-nya.⁴⁶

Ḥadīth Ketujuh

وَاسْتَدَلُّوا بِمَا ثَبَّتَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْخَيْرِ الْمُسْتَفِيضِ أَنَّهُ صَامَ فِي السَّعْرِ.

Maksudnya: *Para ulama berhujah dengan ḥadīth yang diriwayatkan daripada Nabi s.a.w, iaitu ḥadīth yang banyak dikenali bahawa baginda Nabi s.a.w. berpuasa ketika musafir.*

Takhrij ḥadīth:

1. Imām Muḥammad Ibn Ismāʿīl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Maghāzī, Bāb Ghazwah al-Faṭḥ fī Ramaḍān, no: 4279.⁴⁷ Ḥadīth ini Ṣāḥīḥ.
2. Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ṣiyām, Bāb Ma Jāʿa Fī al-Ṣawm Fī al-Safar, no: 1661.⁴⁸ Ḥadīth ini Ṣāḥīḥ.

⁴⁴ Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 116.

⁴⁵ Al-Nawawī (t.t), *op.cit.*, j. 2, h. 731.

⁴⁶ Muḥammad ʿAlī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit.*, j 1, h. 205.

⁴⁷ Muḥammad Ibn Ismāʿīl al-Bukhārī selepas ini al-Bukhārī (2000), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* dalam Ṣāleh bin ʿAbd al-ʿAzīz Ali Shaykh, *Mawsūʿah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, h. 350.

⁴⁸ Muḥammad bin Yazīd Ibn Mājah selepas ini Ibn Mājah (2000), *Sunan Ibn Mājah* dalam Ṣāleh bin ʿAbd al-ʿAzīz Ali Shaykh, *Mawsūʿah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, h. 2576.

3. Al-Nasā'i, *Sunan al-Nasā'i*, Kitāb al-Ṣiyām, Bāb al-Rukhṣah fī al-Ifṭār Liman Haḍāra Shahr Ramaḍān Faṣāma thumma safara, no: 2316.⁴⁹ Ḥadīth ini Ṣāhiḥ.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣāhiḥ, ianya diriwayatkan oleh Imām al-Bukhārī (w. 256 H) dalam kitab *Ṣāhiḥ*-nya.

Keterangan ḥadīth:

Ada dua pandangan, *Pertama*, ahli Zahir yang mengatakan bahawa seseorang wajib *iftār* ketika perjalanan, kerana ada ḥadīth yang mengatakan bahawa tidak ada kebaikan berpuasa ketika melakukan perjalanan. *Kedua*, jumhur ulama yang mengatakan bahawa ianya adalah *rukḥṣah*. Kerana itu, seseorang boleh *iftār* atau berpuasa ketika dalam perjalanan. Ḥadīth di atas merupakan hujah dari kelompok kedua dan ianya adalah *ṣāhiḥ*. Kerana itu, dengan dalil yang kuat ini, maka pandangan ahli jumhur lebih dapat diterima. Manakala ḥadīth Rasulullah dari ahli Zahir di atas, hal tersebut kerana sebab tertentu, di mana suatu hari Rasulullah melihat sekumpulan orang dalam perjalanan, kemudian ada lelaki yang berteduh. Maka Baginda bertanya perihal keadaan lelaki itu. Mereka menjawab bahawa ia kehausan kerana berpuasa. Maka beliau bersabda sebagaimana ḥadīth di atas.⁵⁰

Ḥadīth Kelapan

رَوَى ابْنُ جَرِيرٍ بِسَنَدِهِ ابْنُ عَبَّاسٍ أَنَّهُ قَالَ : إِنَّ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنَ عَوْفٍ وَأَصْحَابًا لَهُ اتَّوَا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا : يَا رَسُولَ اللَّهِ كُنَّا فِي عِزٍّ وَنَحْنُ مُشْرِكُونَ، فَلَمَّا آمَنَّا صِرْنَا أذَلَّةً! فَقَالَ عَلَيْهِ السَّلَامُ : إِنِّي أُمِرْتُ بِالْعَفْوِ فَلَا تُقَاتِلُوا، فَلَمَّا حَوَّلَهُ اللَّهُ إِلَى الْمَدِينَةِ، أُمِرَ بِالْقِتَالِ فَكُفُوا فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى : (أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُوا أَيَدِيكُمْ...) الْآيَةَ.

Maksudnya: *Diriwayatkan daripada Ibnu Jarīr dengan sanadnya, bahawa Ibnu `Abbās berkata: sesungguhnya `Abdul Raḥman bin `Awf dan sahabat-sahabatnya telah mendatangi Nabi s.a.w kemudian mereka berkata: wahai Rasulullah sesungguhnya dahulu kami dalam keadaan mulia. Ketika kami beriman dan masuk Islam maka kami menjadi hina, kemudian baginda bersabda: "Sesungguhnya kami memerintahkan kepada kamu untuk saling memaafkan, kami tidak memerintahkan kalian untuk saling berperang. Kemudian ketika Nabi berhijrah ke Madinah, baginda memerintahkan untuk berperang, tetapi mereka menahan diri. Kemudian Allah menurunkan ayat: (Tidakkah Engkau (hairan) melihat (Wahai Muhammad), akan orang-orang*

⁴⁹ Al-Nasā'ī (2000), *Sunan Ibn Mājah* dalam Ṣāleh bin `Abd al-`Azīz Ali Shaykh, *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, h. 2237.

⁵⁰ Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit.*, j. 1, h. 206.

yang (pernah) dikatakan kepada mereka: "Tahanlah tangan kamu (daripada bertindak melancarkan perang yang belum diizinkan), dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat".

Takhrīj ḥadīth:

1. Al-Ḥākim al-Naysābūrī, *al-Mustadrak*, Kitāb al-Jihād, no: 2377.⁵¹ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
2. Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, Kitāb al-Jihād, Bāb Wujūb al-Jihād, no: 3088.⁵² Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ, dikatakan oleh al-Ḥākim: ini *ḥadīth ṣaḥīḥ `ala syart al-Bukhārī wa lam yukhrijahu*, dan disetujui oleh al-Dhahabī⁵³.

Keterangan ḥadīth:

Ulama sepakat bahawa perang sebelum hijrah adalah dilarang bagi umat Islam. Hal tersebut banyak dijelaskan dalam ayat al-Quran. Pada masa itu, Allah memerintahkan umat Islam untuk saling memaafkan. Dengan adanya ḥadīth *ṣaḥīḥ* di atas, maka ia memperjelas bahawa umat Islam dilarang berperang sebelum hijrah.

Ḥadīth Kesembilan

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَطَبَ يَوْمَ فَتْحِ مَكَّةَ فَقَالَ : "يَا أَيُّهَا النَّاسُ! إِنَّ اللَّهَ حَرَّمَ مَكَّةَ يَوْمَ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ، وَلَمْ يَحِلَّ لِأَحَدٍ قَبْلِي، وَلَا لِحَدٍّ بَعْدِي، وَإِنَّمَا أُحِلَّتْ لِي سَاعَةٌ مِنَ النَّهَارِ، ثُمَّ عَادَتْ حَرَامًا إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ".

Maksudnya: *Diriwayatkan dari Ibnu `Abbās r.a bahawa Rasulullah s.a.w berkhotbah pada hari fath Mekah (pembukaan kota Mekah) dan bersabda: "Wahai manusia, sesungguhnya Allah mengharamkan Mekah pada hari penciptaan langit dan bumi, dan tidak dihalalkan kepada seseorang sebelum saya, tidak dihalalkan kepada seseorang setelah saya, dan hanya dihalalkan bagi saya seketika pada waktu siang hari, kemudian diharamkan kembali sampai hari kiamat"*.

⁵¹ Al-Ḥākim (1411 H), *op.cit.*, j. 2, h. 76.

⁵² Al-Nasā'ī (2000), *op.cit.*, h. 2286.

⁵³ Ibn Ḥajar al-`Asqalanī (t.t), *op.cit.*, Kitāb al-Sayr, Bāb Wujūb al-Jihād, j. 4, h. 237.

Takhrīj ḥadīth:

1. Imām al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, taḥqīq: Muṣṭafā al-Būghā, Kitāb al-Ḥājj, bāb la Yunfar Ṣayd al-Ḥaram, no. 1736.⁵⁴ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
2. Imām Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Ḥājj, Bāb Taḥrīm Mekah wa Sayidihā wa Khalāhā wa Shajarahā wa Luqātaturhā Illa limunsyid `ala al-Dawam, no: 3302.⁵⁵ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ, ianya diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dan Imam Muslim dalam kitab *Ṣaḥīḥ*nya.

Keterangan ḥadīth:

Ḥadīth di atas berkenaan dengan ayat Allah surah al-Baqarah ayat 191 tentang larangan berperang di tanah Masjid al-Ḥaram kecuali orang-orang mushrik memulainya lebih dahulu. Maka yang demikian dibolehkan untuk menghalang keburukan dan kejahatan mereka. Dengan status ḥadīth adalah *ṣaḥīḥ*, maka ia memperkukuh larangan tersebut.

Ḥadīth Kesepuluh

وَتَبَّتْ أَيْضاً فِي الصَّحِيحِ مِنْ حَدِيثِ ابْنِ عَبَّاسٍ بَلْفِظٍ وَسَبْعَةَ إِذَا رَجَعْتُمْ إِلَى أَمْصَارِكُمْ.

Maksudnya: *Diriwayatkan juga dalam Kitab Ṣaḥīḥ dari Ḥadīth riwayat Ibnu `Abbās dengan lafaz, maka hendaklah ia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan Haji dan tujuh hari lagi apabila kamu kembali ke negeri masing-masing.*

Takhrīj ḥadīth:

1. Imam al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Ḥājj, Bāb Qawl Allāh Ta`āla Dhalika Liman Lam Yakun Ahluhu Ḥādir al-Masjid al-Ḥarām, no: 1572.⁵⁶ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
2. Imam al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubra wa fī Dhaylihi al-Jawhar al-Naqiy*, Kitāb al-Ḥājj, Bāb Hadyu al-Mutamatti' bi al-Umrah, no: 9149.⁵⁷ Ḥadīth ini ḍa`īf.

⁵⁴ Al-Bukhārī (1987), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, taḥqīq: Muṣṭafā al-Būghā, j. 2, Bayrūt: Dār Ibn Kathīr, h. 651

⁵⁵ Muslim (2000), *op.cit.*, h. 903.

⁵⁶ Al-Bukhārī (2000), *op.cit.*, h. 124.

⁵⁷ Al-Bayhaqī (1994), *op.cit.*, j. 5, h. 23.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ, ianya diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dalam kitab *Ṣaḥīḥ*nya

Keterangan ḥadīth:

Ada tiga pandangan tentang perkara tersebut. *Pertama*, al-Imām al-Shāfi`ī yang mengatakan waktu puasa hendaklah dilakukan ketika pulang ke negeri masing-masing. *Kedua*, Aḥmad bin Ḥanbal berpandangan boleh berpuasa dalam perjalanan dan tidak harus sampai ke negerinya. *Ketiga*, Abū Ḥanīfah dan al-Imām Mālik pula mengatakan bahwa *al-rujū`* maksudnya adalah ketika selesai mengerjakan ibadah haji.

Dari ketiga pandangan di atas, pendapat al-Imām al-Shāfi`ī adalah yang paling kuat, kerana dalil al-Quran yang jelas iaitu surah al-Baqarah ayat 196, dan disokong oleh dua ḥadīth yang kedudukannya sama-sama *ṣaḥīḥ* iaitu ḥadīth riwayat Ibnu `Abbās di atas dan ḥadīth dari riwayat Ibnu `Umar.⁵⁸

Ḥadīth Kesebelas

رَوَى ابْنُ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ {عَبْدَ اللَّهِ بْنِ جَحْشٍ} عَلَى سَرِيَّةٍ فِي جُمَادَى الْآخِرَةِ، قَبْلَ قِتَالِ بَدْرٍ بِشَهْرَيْنِ، لِيَتَرَصَّدُوا عَيْرًا لِقُرَيْشٍ فِيهَا {عَمْرُو بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْخَضْرَمِيُّ} وَثَلَاثَةٌ مَعَهُ، فَقَتَلُوهُ وَأَسْرُوا اثْنَيْنِ وَاسْتَأْفُوا الْعَيْرَ بِمَا فِيهَا مِنْ تِجَارَةِ الطَّائِفِ، وَكَانَ ذَلِكَ أَوَّلَ يَوْمٍ مِنْ رَجَبٍ وَهُمْ يَظُنُّونَهُ مِنْ جُمَادَى الْآخِرَةِ، فَقَالَتْ قُرَيْشٌ: قَدْ اسْتَحَلَّ مُحَمَّدٌ الشَّهْرَ الْحَرَامَ، شَهْرًا يَأْمَنُ فِيهِ الْحَائِفُ، وَيَتَفَرَّقُ فِيهِ النَّاسُ إِلَى مَعَائِشِهِمْ، فَوَقَفَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعَيْرَ، وَعَظَّمَ ذَلِكَ عَلَى أَصْحَابِ السَّرِيَّةِ وَقَالُوا: مَا نَبْرَحَ حَتَّى تَنْزِلَ تَوْبَتُنَا فَنَزَلَ قَوْلُهُ تَعَالَى: {يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ} قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ: لَمَّا نَزَلَتْ أُخِذَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعَيْمَةَ.

Maksudnya: *Diriwayatkan daripada Ibnu `Abbās r.a. bahawa Nabi s.a.w. telah mengutus `Abd Allāh bin Jahsh pada bulan Jumād al-Akhir dua bulan sebelum terjadinya peperangan Badar supaya mengintai kelompok pedagang orang Quraysh, yang di dalam kelompok tersebut ada `Ammar bin `Abd Allāh al-Ḥaḍramī dan tiga kawannya. Mereka kemudian membunuhnya dan yang dua lagi di sandera (tawan). Dan kumpulan `Abd Allāh bin Jahsh telah membawa rampasan dagangan kelompok itu yang mengandungi hasil perniagaan di Ṭa'if. Kejadian tersebut pada awal bulan Rejab, akan tetapi mereka mengira bahawa bulan tersebut masih bulan Jumād al-Akhir. Kelompok Quraysh mengatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. telah melakukan peperangan pada bulan yang dilarang berperang, iaitu bulan yang*

⁵⁸ Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit.*, j 1, h. 252.

orang yang ketakutan merasa aman padanya dan orang ramai bertebaran mencari rezeki padanya, lalu Nabi menanggungkan urusan rampasan kelompok pedagang tersebut. Perkara itu dianggap besar dosanya oleh kumpulan Sariyyah `Abd Allāh bin Jahsh. Kemudian mereka mengatakan kami tidak akan berganjak sehingga turun ayat tentang taubat kami, maka turunlah ayat al-Quran pada surah al-Baqarah : Mereka bertanya tentang bulan-bulan Haram yang mana telah terjadi peperangan. Ibnu `Abbās mengatakan, selepas ayat ini turun maka Rasulullah baru menerima harta rampasan perang (Ghanīmah)

Takhrīj ḥadīth:

Abū Nu`aym Aḥmad bin `Abd Allāh al-Ashbahānī, *Ma`rifah al-Ṣaḥābah*, taḥqīq: `Ādil al-`Azzāzī, Bāb al-Ṣād, Ṣafwān bin Bayḍā', no: 3825.⁵⁹ Ḥadīth ni ḍa`īf.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini *ḍa`īf*, di dalam sanadnya terdapat perawi yang *majhul* iaitu: Shujā` bin `Alī dan perawi ḍa`īf iaitu: Uthman bin `Aṭā`. Ibn Mandah mengatakan: ḥadīth ini *gharīb*.⁶⁰

Keterangan ḥadīth:

Ḥadīth di atas ditulis al-Ṣābūnī sebagai *asbāb al-nuzūl* dari surah al-Baqarah ayat 216-218. Dengan kedudukan ḥadīth di atas adalah *ḍa`īf*, maka jelas ianya bukan sebab-sebab turunnya dari ayat berkenaan.

Ḥadīth Kedua belas

وَرُوِيَ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ هَذِهِ الْآيَةَ نَزَلَتْ فِي {عَبْدِ اللَّهِ بْنِ رَوَاحَةَ} كَانَتْ لَهُ أُمَّةٌ سَوْدَاءُ، وَأَنَّهُ غَضِبَ عَلَيْهَا فَلَطَمَهَا، ثُمَّ إِنَّهُ فَرَعَ فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَخْبَرَهُ خَبَرَهَا فَقَالَ لَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَا هِيَ يَا عَبْدَ اللَّهِ؟ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ: هِيَ تَصُومُ وَتُصَلِّي وَتُحْسِنُ الْوُسُوءَ، وَتَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّكَ رَسُولُهُ، فَقَالَ يَا عَبْدَ اللَّهِ: هَذِهِ مُؤْمِنَةٌ، فَقَالَ: وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ لَأُعْتِقَنَّهَا وَلَا تُزَوِّجَنَّهَا فَفَعَلَ، فَعَابَهُ نَاسٌ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَقَالُوا: نَكَحَ أُمَّةً، وَكَانُوا يَرْعَبُونَ فِي نِكَاحِ الْمُشْرِكَاتِ رَغْبَةً فِي أَحْسَبِهِنَّ، فَنَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ {سُورَةُ الْبَقَرَةِ آيَةٌ 221}.

Maksudnya: *Diriwayatkan daripada Ibnu `Abbās bahawa ayat ini turun berkenaan dengan `Abd Allāh bin Rawāḥah, di mana beliau memiliki hamba perempuan yang hitam, ia marah kepadanya kemudian menamparnya. Lalu*

⁵⁹ Abū Nu`aym Aḥmad bin `Abd Allāh al-Ashbahānī (1998), *Ma`rifah al-Ṣaḥābah*, taḥqīq: `Ādil al-`Azzāzī, Bāb al-Ṣād, Ṣafwān bin Bayḍā', j. 3. Riyāḍ: Dār al-Waṭān, h. 1504.

⁶⁰ `Ala al-Dīn `Alī Ibn Hisham al-Dīn al-Muttaqī al-Hindī al-Burhān Fawrī (1401 H), *Kanz al-`Ummal Fī Sunan al-Aqwāl wa al-Af`āl* selepas ini “*Kanz al-`Ummal*”, Taḥqīq: Bakrī Hayānī, c. 5, j. 2, Bayrūt: Mu`assasah al-Risālah, h. 366.

beliau bersusah hati dan mendatangi Rasulullah untuk melaporkan permasalahannya. Rasulullah bertanya kepadanya: apa yang kau lakukan wahai `Abd Allāh? Kemudian ia menjawab: Wahai Rasulullah, hambaku ini selalu berpuasa, solat, dan berwuduk dengan baik, ianya juga bersaksi bahawa tiada Tuhan selain Allah dan kamu adalah pesuruh Allah, kemudian Nabi bersabda: wahai hamba Allah, (perempuan) ini adalah seorang yang beriman. Hamba Allah mengatakan: Demi Zat yang menyuruhmu dengan membawakan kebenaran, saya akan membebaskannya dan mengahwininya. Kemudian `Abd Allāh menikahnya, dan sebahagian orang-orang Islam memperlekehkannya dengan berkata “Abdullah telah menikahi hamba”. Di zaman itu mereka gemar menikahi perempuan mushrik kerana keturunannya. Kemudian turunlah ayat ini (Surah al-Baqarah ayat 221).

Takhrīj ḥadīth:

1. `Alī bin Muḥammad al-Wāḥidī, dalam *Asbāb al-Nuzūl*, Kaherah: Dār Aymān Ṣāliḥ Sha`bān, ḥadīth no. 57.⁶¹ Ḥadīth ini ḍa`īf.
2. `Alī bin al-Ḥasan, Ibn `Asākir, *Tārīkh Dimashq*, Bayrūt: Dār al-Fikr, Ḥadīth no. 28178.⁶² Ḥadīth ini ḍa`īf.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ḍa`īf. Menurut Imam al-Suyūṭī, ḥadīth ini *mu`ḍal*.⁶³ Dalam sanadnya ada seorang perawi bernama Asbāt bin Naṣr al-Hamadānī. Ibn al-Jawzī menilainya sebagai ḍa`īf.⁶⁴

Keterangan ḥadīth:

Ḥadīth di atas ditulis al-Ṣābūnī sebagai *asbāb al-nuzūl* dari surah al-Baqarah ayat 221. Dengan kedudukan ḥadīth di atas adalah *ḍa`īf*, maka jelas ianya bukan sebab-sebab turunnya dari ayat berkenaan.

Ḥadīth Ketiga belas

⁶¹ `Alī bin Muḥammad al-Wāḥidī (t.t), dalam *Asbāb al-Nuzūl*, Kaherah: Dār Aymān Ṣāliḥ Sha`bān, h. 38.

⁶² Ali bin al-Ḥasan, Ibn `Asākir, *Tārīkh Dimashq*, Harf al-`Ayn, Abd Allāh bin Rawāhah, j. 28. Beirut: Dār al-Fikr, h. 90.

⁶³ `Abd al-Raḥman Ibn Abī Bakr Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (t.t), *Al-Dhurr al-Manthūr Fī al-Ta`wīl bi al-Ma`thūr*, Sūrah al-Baqarah, Ayat 221, j. 2, h. 17

⁶⁴ `Abd al-Raḥman bin `Alī bin Muḥammad bin al-Jawzī (1406), *Al-Duā`fa' wa al-Matrūkāt*, J 1, Bayrūt, Dār al-Kutub al-`Ilmiyyah, h. 96.

حَدِيثُ ابْنِ عَبَّاسٍ: سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ نِكَاحِ الْمُحْلَلِ فَقَالَ: {لَا يَحِلُّ} إِلَّا نِكَاحُ زُغْبَةٍ، لَا نِكَاحَ دَلْسَةٍ، وَلَا اسْتِهْزَاءَ بِكِتَابِ اللَّهِ، ثُمَّ يَذُوقُ عَسِيَلَتَهَا.

Maksudnya: *Hadīth* diriwayatkan daripada Ibnu `Abbās; Rasulullah s.a.w ditanya tentang nikah Muḥallil (adalah nikah seorang lelaki dengan perempuan yang telah ditalak tiga. Setelah masa idahnya habis, kemudian si suami tersebut menjatuhkan talak dengan tujuan agar bekas suami pertama dapat menikah dengan dia lagi), Nabi berkata : Tidak, tidak halal tali pernikahan kecuali dengan kemahuan, tidak ada pernikahan penipuan, ataupun melakukan penghinaan kepada kitab Allah, kemudian dia mesti mencicip madunya.

Takhrīj ḥadīth:

Imām al-Ṭabrānī, *al-Mu`jam al-Kabīr*, Bāb al-`Ayn, Aḥādīth `Abd Allāh ibn `Abbās ibn `Abd al-Muṭālib ibn Hāshim ibn `Abd Manāf, no: 11567.⁶⁵ Ḥadīth ini da`if.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini da`if. Di dalam sanad al-Ṭabrānī terdapat dua perawi yang dihukum da`if oleh Ibn Ḥajar iaitu: Aḥmad bin Sahl al-Aḥwazī⁶⁶ dan Ibrahim bin Ismā`il.⁶⁷

Keterangan ḥadīth:

Ada dua pandangan tentang perkara di atas. *Pertama*, ulama jumhur (al-Imām al-Mālik, Aḥmad bin Ḥanbal, al-Imām al-Shāfi`ī, al-Imām al-Thaurī) mengatakan bahawa ianya merupakan pernikahan yang batil. *Kedua*, Mazhab Ḥanafī mengatakan ianya adalah makruh sahaja. Ḥadīth di atas merupakan hujah dari kelompok pertama, selain dua ḥadīth lagi yang juga dijadikan dalil. Sekalipun, status ḥadīth ini da`if, dalam dalil-dalil yang lain disebutkan tentang kebatilan pernikahan ini. Perkara ini dengan mudah kita jumpai dalam mana-mana kitab feqah. Alasan lainnya ialah bahawa pernikahan dalam Islam dimaksudkan untuk kekal dan selamanya. Kerana itu, apabila ada pernikahan yang dibatasi waktu, maka ianya merupakan pernikahan hanya untuk bersenang-senang dan perkara tersebut adalah batil.⁶⁸ Pandangan mazhab Ḥanafī, bahkan mengesahkan pernikahan ini sekalipun tidak disebutkan syarat dalam akad. Namun bagi Noor Naemah, melihat dari kekuatan hujah kedua mazhab tersebut, pendapat jumhur ulama lebih baik.⁶⁹

Ḥadīth Keempat belas

⁶⁵ Al-Ṭabrānī (1983), *op.cit.*, j. 11, h. 226.

⁶⁶ Ibn Ḥajar al-Asqalānī (1986), *Lisān al-Mjān*, j. 1. Bayrūt: Mu`assasah al-A`lamī, h. 184.

⁶⁷ Ibn Ḥajar al-Asqalānī (1986), *Taqrīb al-Tahzīb*, taḥqīq: Muḥammad `Awwāmah. Damshīq: Dār al-Rashīd, h. 37.

⁶⁸ Muḥammad `Alī al-Ṣabūnī (1972), *op.cit.*, j. 1, h. 341.

⁶⁹ Noor Naemah Binti Abdul Rahman (2003), *Fatwa Jemaah Ulamak Kelantan tahun 1920an Hingga 1990an; Satu Analisis*, Tesis, UM, APIUM, Jabatan Fiqh Dan Usul, h. 486.

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ: لَا رِضَاعَ إِلَّا مَا كَانَ فِي الْحَوْلَيْنِ

Maksudnya: “*Daripada Ibn `Abbas: Tidak ada susuan kecuali dalam umur dua tahun*”

Takhrij ḥadīth:

- 1) Imam al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, Kitāb al-Rada’, Bāb Mā Jā’a Fī Tahdidi Dhalika Bi al-Hawlayni, no: 16083.⁷⁰ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
- 2) Al-Daraqūṭnī, *Sunan al-Daraqūṭnī*, Kitāb al-Rada’, no: 10.⁷¹ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ. Dikatakan oleh Ibn Ḥajar al-`Asqalānī dalam *Bulūgh al-Marām Fī Adillat al-Aḥkām*: ḥadīth mawqūf⁷², dan al-Bayhaqī berkata: *al-ṣaḥīḥ mawqūf*.⁷³

Keterangan ḥadīth:

Ada dua pandangan tentang perkara di atas. *Pertama*, ulama jumhur (al-Imām al-Mālik, al-Imām al-Shāfi`ī, Aḥmad) mengatakan bahawa menyusui dapat menjadikannya muhrim sebagaimana nasab dan waktunya ialah dua tahun, seperti ḥadīth di atas. Itulah adalah hujah mereka. *Kedua*, Abū Ḥanīfah berpandangan masanya ialah dua tahun enam bulan. Menurut Imām al-Qurṭubī pandangan jumhur ulama lebih kuat, kerana ada ayat ‘*Hawlain Kāmilayn*’.⁷⁴ Dan disokong oleh status ḥadīth di atas *al-ṣaḥīḥ mawqūf*.

Ḥadīth Kelima belas

رُوِيَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّهُ قَالَ: خَطَبَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: لَا تُسَافِرُ امْرَأَةٌ إِلَّا وَمَعَهَا ذُو مَحْرَمٍ. فَقَالَ رَجُلٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي قَدْ اكَتَبْتُ فِي عَزْوَةِ كَذَا، وَقَدْ أَرَادَتْ امْرَأَتِي أَنْ تَحْجَّ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَحْجِجْ مَعَ امْرَأَتِكَ.

Maksudnya: *Diriwayatkan daripada Ibnu `Abbās r.a, bahawa beliau berkata: Nabi s.a.w telah berkhotbah dan bersabda: tidaklah seorang perempuan itu melakukan perjalanan (musafir) kecuali bersamanya ada mahramnya. Berkatalah seorang lelaki, wahai Rasulullah; sesungguhnya saya telah mendaftarkan diri untuk ikut berperang, dan isteri saya hendak pergi berhaji. Dan Rasulullah s.a.w bersabda, berhajilah kamu bersama isterimu.*

Takhrij ḥadīth:

⁷⁰ Al-Bayhaqī (1994), *op.cit.*, j. 7, h. 462.

⁷¹ Al-Daraqūṭnī (t.t), *op.cit.*, j. 4, h. 174.

⁷² Ibn Ḥajar (t.t), *Bulūgh al-Marām Fī Adillat al-Aḥkām*, j.1, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb al-Rada’, h. 445.

⁷³ Al-Bayhaqī (1994), *op.cit.*, j. 4, h. 9.

⁷⁴ Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit.*, j 1, h. 354.

1. Aḥmad bin Ḥanbal al-Shaybānī, Musnad Aḥmad, *Musnad Aḥmad bin Ḥanbal*, Musnad `Abd Allāh bin `Abbās, ḥadīth no. 3231.⁷⁵ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
2. Aḥmad Ibn `Alī Ibn al-Muthanna Abū Ya`la al-Mūsaliy al-Tamīmī, *Musnad Abī Ya`la*⁷⁶, Bāb Awwal Musnad Ibn `Abbās, no: 2516. Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ, Ḥusayn Salim Sa`ad berkata: isnad ḥadīth ini ṣaḥīḥ⁷⁷

Keterangan ḥadīth:

Ada dua pandangan tentang perkara di atas. *Pertama*, mazhab Ḥanafī yang mengatakan bahawa perempuan yang akan berhaji harus disertai mahram. *Kedua*, al-Imām al-Shāfi`ī dan Aḥmad bin Ḥanbal mengatakan bahawa yang harus ada mahram apabila melakukan haji yang wajib, manakala haji yang sunat, tidak wajib. Cukup ada beberapa sekumpulan perempuan yang lain dan dia yakin terhadap keamanan dirinya.⁷⁸

Dari dua pandangan di atas, mazhab Ḥanafiyah lebih kuat kerana adanya ḥadīth di atas yang statusnya *ṣaḥīḥ*. Manakala pandangan al-Imām al-Shāfi`ī dan Aḥmad bin Ḥanbal boleh juga diguna pakai andaikan perempuan itu merasa aman dengan dirinya.

Ḥadīth Keenam belas

وَرُوِيَ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّهُ قَالَ: "كَانَ أَهْلُ الْجَاهِلِيَّةِ لَا يُورِثُونَ الْبَنَاتِ وَلَا الصَّغَارَ الذُّكُورَ حَتَّى يُدْرِكُوا، فَمَاتَ رَجُلٌ مِنَ الْأَنْصَارِ يُقَالُ لَهُ: {أَوْسُ بْنُ ثَابِتٍ} وَتَرَكَ ابْنَتَيْنِ وَابْنًا صَغِيرًا فَجَاءَ ابْنَا عَمِّهِ فَأَخَذَا مِيرَاثَهُ كُلَّهُ. فَقَالَتِ امْرَأَتُهُ لِهَمَّا تَزَوَّجَا بِهِمَا - وَكَانَ بِهِمَا دِمَامَةٌ - فَأَبِيَا فَأَتَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَخْبَرْتَهُ فَنَزَلَتِ الْآيَةُ: {لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ} فَأَرْسَلَ الرَّسُولَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَيْهِمَا فَقَالَ لَهُمَا: لَا تُحْرَكَا مِنَ الْمِيرَاثِ شَيْعًا فَقَدْ أُخْبِرْتُ أَنَّ لِلذَّكَرِ وَالْأُنثَى نَصِيبًا، ثُمَّ نَزَلَ قَوْلُهُ تَعَالَى: {يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ}.

Maksudnya: *Diriwayatkan daripada Ibnu `Abbās bahawasanya beliau berkata: "Dahulu tradisi orang-orang jahiliah ialah tidak memberikan warisan kepada anak-anak perempuan dan anak-anak laki-laki yang masih kecil sehingga mereka dewasa. Pada suatu ketika seorang lelaki dari kelompok Ansar meninggal, beliau dipanggil dengan (A'us bin Thābit), beliau telah meninggalkan dua anak perempuan dan seorang anak lelaki yang masih kecil, kemudian datanglah ke dua*

⁷⁵ Aḥmad bin Ḥanbal al-Shaybānī selepas ini Aḥmad bin Ḥanbal (t.t), *Musnad Aḥmad bin Ḥanbal*, Musnad `Abd Allāh bin `Abbās, taḥqīq: Shu`ayb al-Arnawṭ, j. 1. Kaherah: Mu`assasah Qurṭubah, h. 346.

⁷⁶ Aḥmad Ibn `Aly Ibn al-Muthannā Abū Ya`la al-Mūsilī al-Tamīmī (1404 H), *Musnad Abī Ya`la*, Taḥqīq: Ḥusayn Salīm Sa`ad, j. 4, Dimashq: Dār al-Ma`mun, h. 394.

⁷⁷ *Ibid.*

⁷⁸ Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit.*, j 1, h. 413.

anak pak ciknya dan mengambil semua harta warisnya. Isteri `Aus mengatakan kepada mereka, 'kahwinlah kamu berdua dengan mereka berdua, dan keduanya tidak cantik. Akan tetapi mereka tidak menyerahkan hartanya kepada anak pak ciknya sehingga datang kepada Rasulullah dan menceritakannya apa yang sedang terjadi, kemudian turunlah ayat al-Quran: (Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat...). Kemudian Rasulullah mengutus kepada mereka berdua dan mengatakan: Janganlah kalian merubah ketentuan dalam warisan. Allah telah menetapkannya bahagian laki-laki dan perempuan, kemudian turunlah ayat: (Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu....).

Takhrīj ḥadīth:

Riwayat tersebut di atas, tidak dijumpai dalam mana-mana sumber hadith kecuali dalam beberapa kitab tafsir seperti al-Durr al-Manthūr karya Imam al-Suyūṭī yang beliau kutip tanpa sanad.⁷⁹

Darjat ḥadīth: Tidak diketahui.

Keterangan ḥadīth:

Al-Ṣābūnī menjadikan ḥadīth ini sebagai *asbāb al-nuzūl* dari surat al-Nisā' ayat 5-10. Dengan status ḥadīth ini *majhūl*, maka ia bukan sebab turun dari ayat berkenaan.

Ḥadīth Ketujuh belas

وَقَدْ رُوِيَ أَنَّ رَجُلًا جَاءَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ لَهُ: إِنَّ فِي حِجْرِي يَتِيمًا أَفَأَكُلُ مِنْ مَالِهِ؟ قَالَ: بِالْمَعْرُوفِ, غَيْرِ مُتَأْتِلٍ مَالًا, وَلَا وَاقٍ مَالِكَ بِمَالِهِ, قَالَ: أَفَأَضْرِبُهُ؟ قَالَ: مِمَّا كُنْتَ ضَارِبًا مِنْهُ وَلَدَكَ.

Maksudnya: “*Sesungguhnya telah diriwayatkan bahawa ada seorang lelaki mendatangi Rasulullah, kemudian berkata kepada Baginda: “Bahawasanya dalam pemeliharaanmu ada seorang anak yatim, apakah saya dapat memakan hartanya? Rasulullah menjawab: Makanlah dengan baik, tanpa mencampuri hartamu dengan hartanya. Lelaki itu bertanya lagi, bolehkah saya memukulnya? Baginda menjawab: Boleh, seperti mana kamu pukul anakmu.*

Takhrīj ḥadīth:

⁷⁹ `Abd al-Raḥmān bin al-Kamāl, Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī (1993), *al-Durr al-Manthūr*, j. 2. Bayrūt: Dār al-Fikr, h. 438.

Imam al-Bayhaqī, *Sunan al-Baihaqī al-Kubrā*, Kitāb al-Waṣāya, Bāb Ma Jā'a Fī Ta'dīb al-Yatīm, j. 6, h. 285, no: 12452.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini amat ḍa'īf, Di dalam sanadnya terdapat perawi bernama Ibrahim bin Abī al-Layth, Ibn al-Jawzī menilainya sebagai *matrūk al-ḥadīth*.⁸⁰ Menurut al-Bayhaqī: isnad ḥadīth ini mursal.⁸¹

Keterangan ḥadīth:

Ḥadīth ini dijadikan hujah oleh al-Ṣābūnī dibawah tajuk '*Latā'if al-Tafsīr*', di mana adanya kebolehan memakan harta anak yatim. Namun status ḥadīth tersebut adalah *ḍa'īf*.

Ḥadīth Kelapan belas

حَدِيثُ ابْنِ عَبَّاسٍ: نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَتَزَوَّجَ الرَّجُلُ الْمَرْأَةَ عَلَى الْعَمَّةِ أَوْ عَلَى الْحَالَةِ وَقَالَ: إِنْ كُمْ إِذَا فَعَلْتُمْ ذَلِكَ قَطَعْتُمْ أَرْحَامَكُمْ.

Maksudnya: Rasulullah melarang seorang lelaki mengahwini mak ciknya (dari pihak ayah) atau mak cik (dari pihak ibu). Kemudian beliau bersabda: Jika kamu semua melakukan perkara tersebut, maka kamu telah memutuskan ikatan persaudaraanmu.

Takhrīj ḥadīth:

1. Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* dalam *Mawsu'ah al-Ḥadīth*, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Mā Jā'a La Tunkiḥu al-Mar'ah `Alā `Ammatiha Wa Lā `Ala Khalātiha, no: 1125.⁸² Ḥadīth ini ḥasan ṣaḥīḥ.
2. Imam Aḥmad, *Musnad Aḥmad*, Kitāb Musnad Banī Hāshim, Bāb Bidāyah Musnad `Abd Allāh Ibn al-`Abbās, j. 7, h. 383, no: 3530.⁸³ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ

Darjat ḥadīth:

⁸⁰ Ibn al-Jawzī (1406), *op.cit.*, h. 47.

⁸¹ Al-Bayhaqī (1994), *op.cit.*, j. 6, h. 285.

⁸² Al-Tirmidhī (2000), *op.cit.*, h. 1761.

⁸³ Aḥmad bin Ḥanbal (t.t), *op.cit.*, j. 7, h. 383.

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ, ianya dikatakan oleh Abū Isa: ḥadīth Ibn `Abbās dan Abū Hurairah adalah ḥadīth ḥasan ṣaḥīḥ.⁸⁴ Al-Albānī dan Shu`ayb al-Arnawṭ menghukum ḥadīth ini sebagai ḥadīth ṣaḥīḥ.⁸⁵

Keterangan ḥadīth:

Status ḥadīth di atas adalah *ṣaḥīḥ*. Dengan demikian, ia memperkukuh larangan berkahwin dengan isteri dan makciknya sekali gus.

Ḥadīth Kesembilan belas

لَقَدْ سَمِعْتُ نَبِيَّكُمْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: يَجِيءُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مُعَلَّقًا رَأْسُهُ بِإِحْدَى يَدَيْهِ - إِمَّا بِيَمِينِهِ أَوْ بِشِمَالِهِ (أَخِذًا صَاحِبَهُ بِيَدِ الْأُخْرَى) تَشْحَبُ أَوْ دَاجُهُ حِيَالَ عَرْشِ الرَّحْمَنِ يَقُولُ: يَا رَبِّ سَلْ عَبْدَكَ هَذَا عَلامَ قَتَلَنِي؟ فَمَا جَاءَ نَبِيٌّ بَعْدَ نَبِيِّكُمْ، وَلَا نَزَلَ كِتَابٌ بَعْدَ كِتَابِكُمْ.

Maksudnya: “*Sungguh saya (Ibnu `Abbās) telah mendengar Nabimu bersabda: Pada hari kiamat nanti akan ada seorang, di mana kepalanya digantung pada salah satu tangannya, sama ada kanan atau kiri, manakala tangannya yang satu lagi akan memegang sahabatnya dengan urat-uratnya keluar darah di hadapan `Arash Allah, kemudian berkata: ‘Wahai Tuhanku, tanyalah kepada hambamu ini, kenapa dia telah membunuhku? Maka tidak akan datang seorang Nabi setelah Nabimu dan tidak turun satu kitab setelah kitab-mu’.*”

Takhrīj ḥadīth:

1. Al-Nasā`ī, *Sunan al-Nasā`ī*, taḥqīq: `Abd al-Fattāḥ Abū Ghaddah, Kitāb Taḥrīm al-Dam, Bab Ta`zīm al-Dam. Ḥadīth no. 3999.⁸⁶ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
2. Imam Aḥmad, *Musnad Aḥmad*, Kitāb Musnad Banī Hāshim, Bāb Musnad `Abd Allāh Ibn al-`Abbās Ibn `Abd al-Muṭālib `an al-Nabi Sallallāhu `Alaihi Wasallam, no: 2683.⁸⁷ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.

Darjat ḥadīth:

⁸⁴ Al-Tirmidhī (2000), *op.cit.* h. 1761.

⁸⁵ Al-Tirmidhī (t.t.), *Sunan al-Tirmidhī*, taḥqīq: Shaykh al-Albānī, j. 3, Bayrūt: Dār Iḥyā` al-Turāth al-Arabī, h. 432.

⁸⁶ Al-Nasā`ī (1986), *Sunan al-Nasā`ī*, taḥqīq: Abd al-Fattāḥ Abū Ghaddah, j. 7. Ḥalab: Maktabat al-Maṭbū`āt al-Islāmiyyah, h. 85.

⁸⁷ Musnad Aḥmad (t.t), *op.cit.*, j. 1, h. 294.

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ. Menurut Shu`ayb al-Arna`wī: ḥadīth ini ṣaḥīḥ, seluruh *rijāl*-nya *thiqat rijāl al-Shaykhain* kecuali Yaḥya Ibn `Abd Allāh.⁸⁸

Keterangan ḥadīth:

Ada dua pandangan tentang hal tersebut. *Pertama*, mereka yang mengatakan bahawa orang yang melakukan pembunuhan dengan sengaja taubatnya tidak akan diterima. Mereka merujuk kepada pendapat Ibnu `Abbās dan ḥadīth di atas. *Kedua*, jumhur ulama yang mengatakan bahawa taubat orang yang melakukan pembunuhan dengan sengaja tetap akan diterima.

Daripada kedua pandangan di atas, pendapat ulama jumhur lebih kuat. Sekalipun status ḥadīth dari Ibnu `Abbās adalah *ṣaḥīḥ*, namun secara hujah lebih kuat kelompok yang kedua. Sebab, ada ayat al Quran yang mengatakan “*Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni orang yang melakukan shirik, dan akan mengampuni dosa-dosa selainnya, jika berkehendak...* ”.⁸⁹

Ḥadīth Kedua puluh

وَرَوَى أَبُو دَاوُدَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَنَّهُ قَالَ " لَمَّا كَانَ يَوْمَ بَدْرٍ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ صَنَعَ كَذًّا وَكَذًّا فَلَهُ مِنَ النَّفْلِ كَذًّا وَكَذًّا فَتَسَارِعَ فِي ذَلِكَ شُبَّانُ الْقَوْمِ وَبَقِيَ الشُّيُوخُ تَحْتَ الرَّايَاتِ فَلَمَّا كَانَتِ الْمَعَائِمُ جَاءُوا وَيَطْلُبُونَ الَّذِي جَعَلَ هُمْ فَقَالَ الشُّيُوخُ: لَا تَسْتَأْثِرُوا عَلَيْنَا فَإِنَّا كُنَّا رِدَاءً لَكُمْ لَوْ انْكَشَفْتُمْ لَشَبْتُمْ إِلَيْنَا فَتَنَارَعُوا فَأَنْزَلَ اللَّهُ تَعَالَى "يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَنْفَالِ".
الآية.

Maksudnya: “*Abū Dawud meriwayatkan dari Ibnu `Abbās, beliau berkata: Bahawa semasa perang Badar, Rasulullah bersabda: ‘Sesiapa yang melakukan ini dan ini, maka ia akan mendapatkan harta rampasan perang seperti ini dan ini. Maka, para pemuda bercepat-cepat dalam perkara tersebut dan hanya tersisa orang-orang tua yang menjaga bendera. Maka ketika harta rampasan itu telah ada, mereka (kelompok pemuda) mencari orang yang akan membahagikannya kepada mereka, kemudian berkatalah orang-orang tua tersebut: ‘janganlah kamu semua tidak memperhatikan kami, kerana kamilah yang melindungi kamu. Andainya kami tidak memberikan jalan itu, nescaya kamu akan bergaduh. Maka kemudian Allah menurunkannya ayatnya “Mereka bertanya tentang harta rampasan perang....”*”.

⁸⁸ *Ibid.*

⁸⁹ Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit.*, j 1, h. 505.

Takhrīj ḥadīth:

1. Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, Kitāb al-Jihād, Bāb Fī al-Nafal, no: 2737.⁹⁰ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
2. Al-Ḥākim, *al-Mustadrak*, Kitāb Qasm al-Fa'i, no: 2594.⁹¹ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ, *Ta'liq* al-Dhahabī dalam *al-Talkhīs: `Ala Syart al-Bukhārī*.⁷⁹²

Analisis ḥadīth:

Ḥadīth di atas adalah *asbāb al-nuzūl* dari surah al-Anfāl ayat 1-4. Maka dengan status ḥadīth itu adalah *ṣaḥīḥ*, maka ia adalah benar sebagai sebab turunnya ayat tersebut.⁹³

Ḥadīth Kedua puluh Satu

مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْلَمُ عَمَلِ قَوْمِ لُوطٍ فَاقْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ.

Maksudnya: *Sesiapa menjumpai seorang melakukan perbuatan kaum Lūṭ, maka hendaklah kamu membunuh kedua-dua pelakunya.*

Takhrīj ḥadīth:

1. Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Fī Man `Amila `Amala Qawmi Lūṭ, no: 4464.⁹⁴ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
2. Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Ḥudūd `An Rasulillah, Bāb Mā Jā'a fī Ḥad al-Luṭi, no: 1456.⁹⁵ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
3. Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Ḥudūd, Bāb Man `Amila `Amala Qawmi Lūṭ, no: 2561.⁹⁶ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ, Shaykh al-Albanī menghukum ḥadīth ini sebagai ḥadīth ṣaḥīḥ.⁹⁷

Keterangan ḥadīth:

⁹⁰ Abū Dāwud (2000), *op.cit.*, h.1427

⁹¹ Al-Ḥākim (1411 H), *op.cit.*, j. 2, h. 143.

⁹² *Ibid.*

⁹³ *Op.cit.*, h. 590

⁹⁴ Abū Dāwūd (t.t.), *op.cit.*, j. 4, h. 269.

⁹⁵ Al-Tirmidhī (t.t.), *op.cit.*, j. 4, h. 57.

⁹⁶ Ibn Mājah (t.t.), *op.cit.*, j. 2, h. 856.

⁹⁷ *Ibid.*

Ada tiga pandangan tentang perkara di atas. *Pertama*, al-Imām al-Mālik dan Aḥmad mengatakan bahawa hukuman orang yang melakukan *liwāt* adalah dibunuh. Ḥadīth di atas adalah hujah kelompok ini dan ianya *ṣaḥīḥ*. *Kedua*, mazhab al-Shāfi'i mengatakan bahawa hukuman *liwāt* sama seperti hukuman yang melakukan zina iaitu di-*jilid* apabila gadis dan direjam apabila ia janda. *Ketiga*, al-Imam al-Ḥanafī mengatakan bahawa *liwāt* merupakan dosa besar, dan hukumannya ialah diberikan *ta`zir*. Bagi mereka, ia tidak sama dengan zina dan hukumannya.

Dari ketiga pandangan di atas, secara hujah kelompok pertama adalah lebih kuat, kerana disokong oleh ḥadīth yang *ṣaḥīḥ*. Ianya juga pandangan al-Imam al-Shawkanī.⁹⁸ Namun, secara syari'at Islam perlu difikirkan hukuman lain, sehingga orang yang melakukan *liwat* bertaubat, sehingga ada peluang memperbaiki diri. *Wallahu a`lam*.

Hadīth Kedua puluh Dua

فَمَا زُوِيَ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ {هِلَالَ بْنَ أُمَيَّةَ} قَذَفَ امْرَأَتَهُ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِشُرَيْكِ
 بْنِ سَحْمَاءَ فَقَالَ النَّبِيُّ "الْبَيِّنَةُ أَوْ حَدٌّ فِي ظَهْرِكَ" فَلَمْ يُوجِبِ النَّبِيُّ عَلَى هِلَالَ إِلَّا حَدًّا مَعَ أَنَّهُ
 قَذَفَ زَوْجَتَهُ وَقَذَفَ مَعَهَا {شُرَيْكِ ابْنِ سَحْمَاءَ}.

Maksudnya: “*Ibnu `Abbās telah meriwayatkan bahawa Hilāl telah menuduh isterinya berbuat serong dengan Shurayk. Kemudian Nabi bersabda: ‘Tunjukkan bukti, kalau tidak kamu akan dikenakan hukuman’. Kemudian Nabi memberikan denda kepada Hilāl kerana menuduh isterinya berbuat serong dengan Shurayk*”.

Takhrīj ḥadīth:

1. Imam al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Tafsīr, Sūrah al-Nūr, h. 4470.⁹⁹ Ḥadīth ini *ṣaḥīḥ*.
2. Abū Dāwūd, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb Fi al-Li`ān, no: 2256.¹⁰⁰ Ḥadīth ini *ṣaḥīḥ*.
3. Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb Tafsīr al-Qur`ān `An Rasulillah, Bāb Wa Min Sūrah al-Nūr, no: 3179.¹⁰¹ Ḥadīth ini *ṣaḥīḥ*.
4. Ibn Mājah, *Sunan ibn Mājah*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb al-Li`ān, no: 2067.¹⁰² Ḥadīth ini *ṣaḥīḥ*.

Darjat ḥadīth:

⁹⁸ Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit.*, j. 2, h. 45.

⁹⁹ Al-Bukhārī (1987), *op.cit.*, j. 4, h. 1772.

¹⁰⁰ Abū Dāwūd (t.t.), *op.cit.*, j. 2, h. 242.

¹⁰¹ Al-Tirmidhī (2000), *op.cit.*, h. 1975.

¹⁰² Ibn Mājah (2000), *op.cit.*, h. 2601.

Hadīth ini ṣaḥīḥ, ianya diriwayatkan oleh al-Bukhari.

Analisis ḥadīth:

Ada tiga pandangan tentang perkara di atas. *Pertama*, ulama jumhur (al-Imām Abū Ḥanīfah, Mālik dan Aḥmad) mengatakan bahawa ianya dikenakan satu hukuman sahaja. *Kedua*, al-Imām al-Shāfi'i berpandangan bahawa dia harus diberikan hukuman sebanyak orang yang dituduhnya. *Ketiga*, Ibnu Abī Layla dan Shu'bi mengatakan bahawa ianya diberikan dua bentuk hukuman. Jika ia melafazkan dalam bentuk *jama'*, ia cukup satu hukuman sahaja. Namun, apabila ia melafazkan *mufrad* kepada setiap orang, maka ia dikenakan sebanyak orang itu.

Daripada tiga pandangan di atas, pendapat ulama jumhur lebih dapat diterima. Hal ini kerana adanya dalil yang pasti iaitu ayat al-Quran surah al-Nūr ayat 4 dan ḥadīth di atas yang statusnya adalah *ṣaḥīḥ*. Manakala pandangan al-Imām al-Shāfi'i dan yang ketiga tidak disertai hujah yang kuat. Mereka hanya menggunakan akal logik sahaja.

Ḥadīth Kedua puluh Tiga

أَنَّ {هِلَالَ بْنِ أُمَيَّةَ} قَدَفَ إِمْرَأَتَهُ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ {بِشْرِيكَ بْنِ سَحْمَاءَ} فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: {الْبَيِّنَةُ وَإِلَّا حَدٌّ فِي ظَهْرِكَ} فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ: إِذَا رَأَى أَحَدُنَا عَلَى إِمْرَأَتِهِ رَجُلًا يَنْطَلِقُ يَلْتَمِسُ الْبَيِّنَةَ؟ فَجَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: الْبَيِّنَةُ وَإِلَّا حَدٌّ فِي ظَهْرِكَ، فَقَالَ هِلَالٌ: وَالَّذِي بَعَثَكَ بِالْحَقِّ إِنِّي لَصَادِقٌ، وَلَيُنزِلَنَّ اللَّهُ مَا يُبْرِي ظَهْرِي مِنَ الْحَدِّ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ "وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ... حَتَّىٰ بَلَغَ إِنْ كَانَ مِنَ الصَّادِقِينَ" فَانصَرَفَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَأَرْسَلَ إِلَيْهِمَا فَجَاءَ هِلَالٌ فَشَهِدَ، وَالنَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: {اللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّ أَحَدَكُمَا لَكَاذِبٌ فَهَلْ مِنْكُمَا تَائِبٌ؟} ثُمَّ قَامَتْ فَشَهِدَتْ فَلَمَّا كَانَتْ عِنْدَ الْحَامِسَةِ وَقَفُوهَا وَقَالُوا: إِنَّهَا مُوجِبَةٌ فَتَلَكَّاتٌ وَنَكَصَتْ حَتَّىٰ ظَنْنَا إِنَّهَا تَرْجِعُ ثُمَّ قَالَتْ: لَا أَفْضَحُ قَوْمِي سَائِرَ الْيَوْمِ فَمَضَتْ ... فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَبْصُرُوهَا فَإِنْ جَاءَتْ بِهِ أَكْحَلُ الْعَيْنَيْنِ، سَابَعَ الْأَيْتَيْنِ، خَدَجَ السَّاقَيْنِ فَهُوَ لِشْرِيكَ بْنِ سَحْمَاءَ، فَجَاءَتْ بِهِ كَذَلِكَ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: لَوْلَا مَا مَضَىٰ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ لَكَانَ لِي وَهَلَا شَأْنٌ.

Maksudnya: *Sesungguhnya Hilāl telah menuduh isterinya berbuat serong dengan Shurayk di majlis Nabi. Maka Baginda bersabda: 'Tunjukkanlah bukti, kalau tidak kamu akan dikenakan hukuman'. Maka Hilāl berkata; jika salah seorang kami telah melihat isterinya berduaan dengan seorang lelaki, apakah masih perlu bukti? Baginda bersabda lagi: 'Tunjukkanlah bukti, kalau tidak kamu akan dikenakan hukuman'. Kemudian Hilāl menjawab; Demi Zat (Allah) yang telah mengutusmu dengan benar bahawasanya saya berkata jujur. Semoga Allah menurunkan ayat-Nya yang akan membebaskan saya dari hukuman.*

Kemudian Allah menurunkan ayatnya: “Dan orang-orang yang telah menuduh isterinya.....hingga kalimat jika termasuk orang-orang yang benar”. Kemudian Baginda pergi dan mengutus kepada keduanya, sehingga Hilāl bersaksi. Kemudian Baginda bersabda: ‘Allah telah mengetahui bahawa salah seorang di antara kamu telah berbohong. Adakah di antara kamu yang bertaubat? Kemudian isteri Hilāl terus bersaksi sampai ke kali kelima, kemudian mereka menghentikannya. Selepas itu, mereka berkata: sumpah itu akan terjadi, kemudian dia (isteri Hilāl) merunduk dan gementar, seakan-akan dia hendak menarik lagi sumpahnya. Lalu dia berkata: ‘Saya tak akan melakukan aib kepada keluarga saya, kemudian dia meneruskan sumpahnya. Baginda bersabda: ‘Tengoklah perempuan itu nanti. Kalau anak itu lahir, matanya hitam bercelak, dua bokongnya besar, betisnya besar, maka anak itu dari Shurayk. Kemudian perempuan itu melahirkan seperti yang disebutkan Nabi tadi, maka Baginda bersabda: ‘Andaikan Allah tidak menurunkan ayat, pasti saya akan membuat keputusan lain terhadap perempuan itu’.

Takhrīj ḥadīth:

1. Imam al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb Tafsīr al-Qur’ān, Bāb Wa Yadra`u `Anhā al-‘Adhab `An Tashhad ‘Arba`a Shahadat Billah Innahu Lamin al-Kādhībīn, no: 4747.¹⁰³ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
2. Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, Kitāb al-Ṭalāq, Bab Fi al-Li`ān, no: 2254.¹⁰⁴ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
3. Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb Tafsīr al-Qur’ān `An Rasulillah, Bāb Wa Min Sūrah al-Nūr, no: 3179.¹⁰⁵ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
4. Ibn Mājah, *Sunan ibn Mājah*, Kitāb al-Ṭalāq, Bab al-Li`ān, no: 2067.¹⁰⁶ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ, ianya diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dalam kitab *ṣaḥīḥ*-nya

Keterangan ḥadīth:

Hadith ini dijadikan *asbāb al-nuzūl* oleh al-Ṣābūnī dari surah al-Nūr ayat 6-10. Dengan statusnya ia adalah *ṣaḥīḥ*, maka hadith itu benar sebagai sebab turunnya dari ayat berkenaan.

Ḥadīth Kedua puluh Empat

¹⁰³ Al-Bukhārī (2000), *op.cit.*, h. 399.

¹⁰⁴ Abū Dāwud (2000), *op.cit.*, h. 1389.

¹⁰⁵ Al-Tirmidhī (2000), *op.cit.*, h. 1975.

¹⁰⁶ Ibn Mājah (2000), *op.cit.*, h. 2601.

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّهُ قَالَ: لَمَّا نَزَلَتْ هَذِهِ الْآيَةُ {وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءٍ} قَالَ سَعْدُ بْنُ عُبَادَةَ: أَهَكَذَا أَنْزَلْتَ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ لَوَأْتَيْتُ لِكَاعٍ قَدْ تَفَخَّخَهَا رَجُلٌ، لَمْ يَكُنْ لِي أَنْ أَهِيحَهُ وَلَا أُحَرِّكُهُ حَتَّى آتِي بِأَرْبَعَةٍ شُهَدَاءٍ؟ فَوَاللَّهِ مَا كُنْتُ لِآتِي بِأَرْبَعَةٍ شُهَدَاءٍ حَتَّى يَفْرُغَ مِنْ حَاجَتِهِ... فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ: يَا مَعْشَرَ الْأَنْصَارِ أَمَا تَسْمَعُونَ إِلَى مَا يَقُولُ سَيِّدُكُمْ؟ قَالُوا: لَا تَلْمَهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَإِنَّهُ رَجُلٌ غَيُورٌ مَا تَزْوُجُ فِينَا قَطُّ إِلَّا عِذْرَاءَ وَلَا طَلَّقَ امْرَأَةً لَهُ فَاجْتَرَأَ رَجُلٌ مِثْلَ أَنْ يَتَزَوَّجَهَا؟... قَالَ سَعْدٌ يَا رَسُولَ اللَّهِ: بِأَبِي وَأُمِّي، وَاللَّهِ إِنِّي لِأَعْرِفُ أَهْمًا مِنَ اللَّهِ وَأَهْمًا حَقًّا، وَلَكِنْ عَجِبْتُ أَنْ لَوْ وَجَدْتُ لِكَاعٍ قَدْ تَفَخَّخَهَا رَجُلٌ لَمْ يَكُنْ لِي أَنْ أَهِيحَهُ وَلَا أُحَرِّكُهُ حَتَّى آتِي بِأَرْبَعَةٍ شُهَدَاءٍ، وَاللَّهِ لَا آتِي بِأَرْبَعَةٍ شُهَدَاءٍ حَتَّى يَفْرُغَ مِنْ حَاجَتِهِ فَوَاللَّهِ مَا لَبِثُوا يَسِيرًا حَتَّى جَاءَ {هِلَالُ بْنُ أُمِيَّةٍ} مِنْ حَدِيثِهِ لَهُ، فَرَأَى بَعِيْنَهُ وَسَمِعَ بِأَذْنِيهِ....

Maksudnya: *Ibnu Jarīr* meriwayatkan dengan sanadnya sampai kepada *Ibnu `Abbās*, dan beliau berkata: Ketika ayat ini turun (Dan orang-orang yang menuduh perempuan baik-baik dengan tidak mendatangkan empat saksi), *Sa`d bin `Ubādah* bertanya, Apakah benar ayat ini diturunkan begitu wahai Rasulullah? Andai saya dapati seorang perempuan hina yang sedang digauli seorang lelaki, adakah saya patut biarkan dia dan tidak mengganggunya sehingga saya membawa empat orang saksi?. Maka demi Allah, jika saya pergi untuk memanggil empat orang saksi, pasti dia sudah selesai hajatnya. Maka kemudian Rasulullah bersabda; wahai orang-orang Ansar, adakah kamu telah mendengar sesuatu yang telah dikatakan oleh pemimpinmu? Mereka menjawab; janganlah dia dihina wahai Rasulullah, kerana dia merupakan seorang yang kuat cemburu dan tidak pernah berkahwin kecuali dengan seorang gadis sunti. Begitu pula, jika dia menceraikan isterinya, tiada seorang pun daripada kita yang berani mengahwini bekas isterinya itu. Maka *Sa`d* berkata, 'Wahai Rasulullah; demi ayah dan ibuku, demi Allah sesungguhnya saya mengetahui bahawa ayat itu dari Allah dan benar, tetapi saya hairan, andai saya dapati seorang perempuan hina yang sedang digauli seorang lelaki, adakah saya patut biarkan dia dan tidak mengganggunya sehingga saya membawa empat orang saksi? Maka demi Allah, jika saya pergi untuk memanggil empat orang saksi, pasti dia sudah selesai hajatnya. Maka demi Allah, selepas itu datang *Hilāl* dari kebunnya, maka dia lihat dengan kedua matanya dan mendengar dengan kedua telinganya....

Takhrīj ḥadīth:

1. Imam al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā wa fi Dhailihi al-Jawhar al-Naqī*, Kitāb al-Li`ān, Bāb al-Zawj Yaqdhif Imra'atuhu, no: 15686.¹⁰⁷ Ḥadīth ini ḍa`īf.
2. Ahmad Ibn `Aly Ibn al-Muthanna Abū Ya`la al-Mousaliy al-Tamimī, *Musnad Abī Ya`la*, Bāb Musnad Ibn `Abbās, no: 2740.¹⁰⁸ Ḥadīth ini ḍa`īf.
3. Imam Aḥmad, *Musnad Aḥmad*, Kitāb Musnad Banī Hāshim, Bāb Bidāyah Musnad `Abd Allāh Ibn al-`Abbās, no: 2024.¹⁰⁹ Ḥadīth ini ḍa`īf.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ḍa`īf. Terdapat dalam sanadnya perawi ḍa`īf iaitu `Abbād bin Manṣūr al-Nājī.¹¹⁰ Ibn Ḥusayn Salīm Sa`d berkata: isnad ḥadīth ini ḍa`īf¹¹¹, Nūr al-Dīn `Aly Ibn Abī Bakr al-Haytamī berkata: ḥadīth ini ḍa`īf.¹¹²

Keterangan ḥadīth:

Ḥadīth ini juga dijadikan dalil tentang *asbāb al-nuzūl* oleh al-Ṣābūnī dari surah al-Nūr ayat 6-10. Namun statusnya adalah *ḍa`īf*, sehingga ḥadīth itu bukan sebagai sebab turunnya dari ayat berkenaan.

Ḥadīth Kedua puluh Lima

لَوْلَا الْأَيْمَانُ لَكَانَ لِي وَهَذَا شَأْنٌ

Maksudnya: *Andaikan tidak ada sumpah li`ān, nescaya saya akan membuat keputusan yang lain.*

Takhrīj ḥadīth:

1. Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb Fi al-Li`ān, no: 2256.¹¹³ Ḥadīth ini ḍa`īf.
2. Imam al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, Kitāb al-Li`ān, Bāb Man Yula`an Min al-Azwāj Wa Man La Yula`an, no: 15687.¹¹⁴ Ḥadīth ini ḍa`īf.
3. Aḥmad Ibn `Aly Ibn al-Muthanna Abū Ya`la al-Mousaliy al-Tamimī, *Musnad Abī Ya`la*, Bāb Musnad Ibn `Abbās, no: 2740.¹¹⁵ Ḥadīth ini ḍa`īf.
4. Imam Aḥmad, *Musnad Aḥmad*, Kitāb Musnad Banī Hāshim, Bāb Bidāyah Musnad `Abd Allāh Ibn al-`Abbās, no: 2024.¹¹⁶ Ḥadīth ini ḍa`īf.

Darjat ḥadīth:

¹⁰⁷ Al-Bayhaqī (1344), *op.cit.*, j. 7, h. 394.

¹⁰⁸ Abū Ya`lā (1404 H), *op.cit.*, j. 5, h. 124.

¹⁰⁹ Ahmad bin Hanbal (t.t), *op.cit.*, j. 5, h. 56.

¹¹⁰ Ibn al-Jawzī (1406), *op.cit.*, j. 2, h. 76.

¹¹¹ Abū Ya`lā (1404 H), *op.cit.*, j. 5, h. 124.

¹¹² Nūr al-Dīn `Alī Ibn Abī Bakr al-Haytamī (1412 H), *op.cit.*, j. 4, h. 645.

¹¹³ Abū Dāwud (2000), *op.cit.*, h. 1389.

¹¹⁴ Al-Bayhaqī (1344), *op.cit.*, j. 7, h. 395.

¹¹⁵ Abū Ya`la (1404 H), *op.cit.*, j. 5, h. 124.

¹¹⁶ Ahmad bin Hanbal (t.t), *op.cit.*, j. 5, h.56.

Ḥadīth ini ḍaʿīf. Terdapat dalam sanadnya perawi ḍaʿīf iaitu ʿAbbād bin Manṣūr al-Nāǧī.¹¹⁷ Ḥusayn Salīm Saʿd berkata: isnad ḥadīth ini ḍaʿīf¹¹⁸, dikatakan oleh al-Zaylaʿī: *siyāq* ini gharīb dan terdapat *takhlīf* dan sesungguhnya ḥadīth ʿĀṣim Ibn ʿAdiy yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim daripada Ibn ʿAbbās tidak seperti ini.¹¹⁹

Keterangan ḥadīth:

Ada dua pandangan tentang perkara di atas. *Pertama*, al-Imām Abū Ḥanīfah mengatakan bahawa ianya merupakan kesaksian. Hal ini dibuktikan oleh ayat-ayat al-Quran dan ḥadīth, di mana tajuk liʿān menggunakan *shahādah* (kesaksian). *Kedua*, ulama jumhur (al-Imām al-Mālik, al-Imām al-Shāfiʿī dan Aḥmad) mengatakan bahawa ianya merupakan sumpah. Menurut mereka, *shahādah* (kesaksian) dalam ayat-ayat al-Quran dan ḥadīth tersebut bermaksud sebagai sumpah. Ḥadīth di atas adalah hujah kelompok kedua ini. Namun ianya adalah *ḍaʿīf*, sehingga tidak boleh diguna pakai sebagai dalil.

Secara zahirnya, pandangan Abū Ḥanīfah adalah lebih kuat, kerana disertai dalil yang jelas. Namun, keadaan di masyarakat menunjukkan bahawa ianya sebagai sumpah. Sehingga istilah yang digunakan al-Ṣābūnī ialah “kesaksian yang diperkuat oleh sumpah atau sumpah yang diperkuat dengan saksi”. Kedua-duanya adalah sama.¹²⁰

Ḥadīth Keduapuluh Enam

عن ابن عباس: المتلاعنان إذا تفرقا لا يجتمعان أبداً

Maksudnya: *Orang yang saling melakukan liʿān, apabila telah berpisah, keduanya tidak boleh berkumpul selamanya.*

Takhrīj ḥadīth:

Riwayat Ibn ʿAbbas tersebut di atas, tidak dijumpai dalam mana-mana sumber kecuali dalam beberapa kitab tafsir, di antaranya: *Adwaʿ al-Bayān fī Idāḥ al-Qurʿān bi al-Qurʿān* karya Muḥammad al-Amīn Ibn Muḥammad al-Mukhtar Ibn ʿAbd al-Qādir al-Shanqīti.¹²¹

Darjat ḥadīth:

¹¹⁷ Ibn al-Jawzī (1406), *op.cit.*, j. 2, h. 76.

¹¹⁸ Abū Yaʿla (1404 H), *op.cit.*, j. 5, h. 124.

¹¹⁹ Al-Zaylaʿī (1414 H), *op.cit.*, j. 2, h. 421.

¹²⁰ Muḥammad ʿAlī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit.*, j.2, h. 86.

¹²¹ Muḥammad al-Amīn Ibn Muḥammad al-Mukhtar Ibn ʿAbd al-Qādir al-Shanqītiy (1415 H), *Adwaʿ al-Bayān Fī Idāḥ al-Qurʿān bi al-Qurʿān*, Bayrūt: Dār al-Fikr Li al-Ṭibāʿah wa al-Tawzīʿ wa al-Nashr, h. 484.

Ḥadīth ini tidak diketahui darjatnya. Dikatakan oleh penulis “*Nayl al-Awṭār*” pada ḥadīth Ibn `Abbās: diriwayatkan sepeertinya oleh Abū Dāwud dalam kisah yang panjang, dan di dalam isnadnya terdapat `Ubad Ibn Manṣūr dan di dalamnya *maqāl*.¹²²

Keterangan ḥadīth:

Al-Ṣābūnī menjadikan ḥadīth ini sebagai dalil bahawa orang yang melakukan *li`ān* harus berpisah selamanya. Tetapi ḥadīth ini adalah *majhūl* (tidak diketahui), sehingga ia tidak dapat dijadikan dalil. Sekalipun demikian, dalam dalil ḥadīth Nabi yang lain dijelaskan bahawa orang yang melakukan *li`ān*, wajib berpisah selamanya.

Ḥadīth Kedua puluh Tujuh

أَنَّ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ إِسْتَأْذَنَ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: السَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ، أَمْ يَدْخُلُ عُمَرُ؟

Maksudnya: *Bahawasanya `Umar telah meminta izin kepada Nabi s.a.w, dengan berkata: Salam sejahtera atas utusan Allah, salam untuk kamu semua, bolehkan `Umar masuk?*

Takhrīj ḥadīth:

1. Muḥammad bin Ismā`īl al-Bukhārī, *al-Adab al-Mufrad*, Kitāb al-Isti`dhān, Bāb Kayf al-Isti`dhān, ḥadīth no. 1085.¹²³ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
2. Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash`ath al-Sajistānī, *Sunan Abi Dawud*, Kitāb al-Adab, Bāb fī al-Rajul Yufāriq al-Rajul, ḥadīth no. 5203.¹²⁴ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
3. Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Ḥanbal al-Shaybānī, *Musnad al-Imām Aḥmad Ibn Hanbal*, Musnad `Abd Allāh bin al-`Abbās, ḥadīth no. 2756.¹²⁵ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ, dikatakan oleh Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albanī: *ṣaḥīḥ al-Isnad*.¹²⁶

Keterangan ḥadīth:

Ada dua pandangan tentang perkara di atas. *Pertama*, sebahagian ulama mengatakan perlunya meminta izin sebelum memberi salam. *Kedua*, ulama jumhur mengatakan memberi salam sebelum meminta izin adalah lebih baik. Ḥadīth di atas adalah dalil dari kelompok kedua ini. Dengan status ḥadīth di atas adalah *ṣaḥīḥ*, maka secara adab

¹²² *Ibid*, j. 5, h. 484.

¹²³ Muḥammad bin Ismā`īl al-Bukhārī (1989), *al-Adab al-Mufrad*, Taḥqīq: Muḥammad Fu`ad `Abd al-Bāqī, c. 3, Bayrūt: Dār al-Bashāir al-Islamiyyah, h. 373.

¹²⁴ Abū Dāwūd (t.t.), *op.cit.*, j. 4, h. 517.

¹²⁵ Ahmad Ibn Hanbal (t.t.), *op.cit.*, j. 1, h. 303.

¹²⁶ Muḥammad Naṣīr al-Dīn al-Albanī (1421 H), *Ṣaḥīḥ al-Adab al-Mufrad Li al-Imām al-Bukhārī*, j. 1. (t.t.p): Dār al-Ṣiddīq, h. 431.

pandangan ulama jumbuh adalah lebih baik. Apalagi, ia juga diperkuat dengan ḥadīth-ḥadīth yang lain.¹²⁷

Ḥadīth Kedua puluh Lapan

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَرْدَفَ الْفَضْلَ بْنَ عَبَّاسٍ يَوْمَ النَّحْرِ خَلْفَهُ وَكَانَ رَجُلًا حَسَنَ الشَّعْرِ أبيضَ وَسِيمًا فَجَاءَتْهُ امْرَأَةٌ مِنْ خَتَمِ تَسْتَفْتِيهِ فَجَعَلَ الْفَضْلُ يَنْظُرُ إِلَيْهَا وَتَنْظُرُ إِلَيْهِ فَجَعَلَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصْرِفُ وَجْهَ الْفَضْلِ إِلَى الشَّقِّ الْأَخْرِ.

Maksudnya: *Bahawasanya Nabi membonceng Faḍal bin `Abbās di belakangnya pada hari qurban, di mana rambutnya sangat bagus, putih dan indah. Kemudian datang seorang perempuan menghampiri Nabi dari Khas`am untuk meminta nasihat kepadanya. Maka kemudian, Faḍal melihat wanita itu dan sebaliknya, lalu Rasulullah memalingkan muka Faḍal ke arah yang lain.*”

Takhrīj ḥadīth:

1. Imām al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Ḥāḡ, Bāb Wujūb al-Ḥāḡ wa Faḍlihi, no: 1513.¹²⁸ Ḥadīth ini ṣaḥīḡ.
2. Imām Muslim, *Ṣaḥīḡ Muslim*, Kitāb al-Ḥāḡ, Bāb al-Ḥāḡ `An al-`Ajiz Lizamanah wa Ḥaram Wa Naḡwihima Aw Li al-Mawt, no: 3251.¹²⁹ Ḥadīth ini ṣaḥīḡ.
3. Abū Dāwud, *Sunan Abī Dāwud*, Kitāb al-Manāsik, Bāb al-Rajul Yahujju `An Ghayrihi, no: 1809.¹³⁰ Ḥadīth ini ṣaḥīḡ.
4. Al-Nasā`i, *Sunan al-Nasa`i*, Kitāb Manāsik al-Ḥāḡ, Bāb Ḥāḡ al-Mar`ah `An al-Rajul, no: 2642.¹³¹ Ḥadīth ini ṣaḥīḡ.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣaḥīḡ, ianya diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dan Muslim dalam Kitāb *al-Ṣaḥīḡ*.

Keterangan ḥadīth:

Ada dua pandangan tentang perkara ini. *Pertama*, al-Imām al-Mālik dan Abū Ḥanīfah mengatakan bahawa muka dan telapak tangan bukan aurat. *Kedua*, al-Imām al-Shāfi`ī dan Aḡmad mengatakan bahawa keduanya merupakan aurat. Ḥadīth di atas adalah

¹²⁷ Muḡammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit.*, j. 2, h. 134.

¹²⁸ Al-Bukhārī (2000), *op.cit.*, h. 120.

¹²⁹ Muslim (2000), *op.cit.*, h. 900.

¹³⁰ Abū Dāwud (2000), *op.cit.*, h. 1357.

¹³¹ Al-Nasā`ī (2000), *op.cit.*, h. 2259.

hujah kelompok kedua ini dan ianya adalah *ṣaḥīḥ*. Selain beberapa ḥadīth lain yang ditulis al-Ṣābūnī. Kerana itu, secara dalil pandangan ini lebih kuat dari yang pertama.¹³²

Ḥadīth Kedua puluh Sembilan

حديث ابن عباس في فتاة بكر زوجها أبوها بعير أمرها فاختصموا إلى النبي فقال النبي: أجزني ما فعل أبوك

Maksudnya: *Ḥadīth* dari Ibnu `Abbās tentang seorang gadis perempuan, di mana ayahnya hendak mengahwinkannya tanpa restunya, kemudian ia mengadu kepada Rasulullah, dan berkata: ‘Mintalah izin (kebolehan tidak kahwin) terhadap apa yang dilakukan ayahmu’.

Takhrīj ḥadīth:

1. Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash`ath al-Sajistānī, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitab al-Nikāḥ, Bab fī al-Bikr Yuzawwijhā Abūhā walā Yasta`miruhā, ḥadīth no. 2098. Dengan lafaz: (أَنَّ جَارِيَةً بَكَرًا أَتَتْ النَّبِيَّ -صلى الله عليه وسلم- فَذَكَرَتْ أَنَّ أَبَاهَا زَوَّجَهَا وَهِيَ) (كَارِهَةٌ).¹³³ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
2. Ibn Mājah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī, *Sunan Ibn Mājah*, taḥqīq: Muḥammad Fu`ad `Abd al-Baqī, Kitāb al-Nikāḥ, Bāb Man Zawwaj Ibnatah wa Hiya Kāriḥah, ḥadīth no. 1875.¹³⁴ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
3. Aḥmad bin Hanbal al-Shaybānī, *Musnad Ahmad bin Hanbal*, Musnad `Abd Allāh bin `Abbās, taḥqīq: Shu`ayb al-Arnawṭ, ḥadīth no. 2469.¹³⁵ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ. Shu`ayb al-Arnawṭ berkata: Sanad ḥadīth ini ṣaḥīḥ berdasarkan syarat Muslim.¹³⁶ Al-Albanī juga menilai ḥadīth sebagai Ḥadīth ṣaḥīḥ.¹³⁷

Keterangan ḥadīth:

Ada dua pandangan tentang perkara di atas. *Pertama*, al-Imām al-Shāfi`ī mengatakan bahawa seorang wali boleh memaksa anaknya yang telah baligh untuk berkahwin tanpa meminta restunya. *Kedua*, al-Imam al-Jaṣṣāṣ mengatakan perlu izin kepada gadis berkenaan. Ḥadīth di atas dalil yang dikemukakan oleh ulama ini, dan statusnya ialah

¹³² Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit.*, j.2 h. 155-156.

¹³³ Abū Dāwūd (t.t.), *op.cit.*, j. 2, h. 195.

¹³⁴ Ibn Mājah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī selepas ini Ibn Mājah (t.t.), *Sunan Ibn Mājah*, taḥqīq: Muḥammad Fuād Abd al-Bāqī, j. 1, Beirut: Dār al-Fikr, h. 603.

¹³⁵ Ahmad bin Hanbal (t.t.), *op.cit.*, j. 1, h. 273.

¹³⁶ *Ibid.*

¹³⁷ Ibn Mājah (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h. 603

ṣaḥīḥ. Namun demikian, dalam dalil lain Rasulullah mengatakan perlunya izin kepada seorang gadis yang ingin dinikahinya.¹³⁸

Ḥadīth Ketiga puluh

رُوي عن ابن عباس رضي الله عنه قال: قدمنا رسول الله صلى الله عليه وسلم أغيلمة بني عبد المطلب على جمرات لنا من جمع، فجعل يلطخ أفخاذنا ويقول: أئبني لا ترموا الجمرَةَ حتى تطلع الشمس.

Maksudnya: *Ḥadīth* dari Ibnu `Abbās, dia berkata: Kami mendatangi Rasulullah bersama anak-anak kecil Banī `Abd al-Muṭālib yang sedang berkumpul di tempat Jamrah, kemudian Baginda menepuk-nepuk paha kami dan mengatakan: wahai anak-anak kecil, janganlah kalian melempar Jamrah sehingga terbit matahari.

Takhrīj ḥadīth:

1. Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash`ath, *Sunan Abī Dāwūd*, Kitāb al-Manāsik, Bab al-Ta`jjud min Jam`, ḥadīth no. 1942.¹³⁹ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
2. Al-Nasā`ī, *Sunan al-Nasā`ī*, Kitāb Manāsik al-Hāj, Bāb al-Nahy `an Ramy Jamrah al-`Aqabah Qabl Tulu` al-Shams, ḥadīth no. 3064.¹⁴⁰ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
3. Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, Kitāb al-Manāsik, Bāb Man Taqaddama man Sami`a ila Mina li Ramy al-Jimār, ḥadīth no. 3025.¹⁴¹ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
4. Imam Aḥmad, *Musnad Aḥmad*, Kitāb Musnad Banī Hāshim, Bāb Musnad `Abd Allāh Ibn al-`Abbās Ibn `Abd al-Muṭālib `An al-Nabī Ṣallallahu `Alaihi Wasallam, hadith no: 2089.¹⁴² Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ, *Ta`līq Shu`aib al-Arnawṭ: ḥadīth ṣaḥīḥ li ghairihi*.¹⁴³ Menurut Shaykh al-Albanī, ḥadīth ini ṣaḥīḥ.¹⁴⁴

Keterangan ḥadīth:

Secara hukum, menisbahkan anak kepada selain bapaknya adalah haram dan berdosa besar. Bahkan dalam sebuah ḥadīth adalah kufur dan Allah tidak akan menerima taubatnya. Allah bersama malaikat akan melaknatnya.¹⁴⁵ Namun, apabila memanggil anak dengan maksud memuliakan dan cinta, maka hukumnya boleh. Seperti yang

¹³⁸ Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit.*, j. 2, h. 187.

¹³⁹ Abū Dāwūd (t.t.), *op.cit.*, j. 2, h. 138.

¹⁴⁰ Al-Nasā`ī (t.t.), *op.cit.*, j. 5, h. 270.

¹⁴¹ Ibn Mājah (t.t.), *op. cit.*, j. 2, h. 1007.

¹⁴² Aḥmad bin Hanbal (t.t.), *op.cit.*, j. 1, h. 234

¹⁴³ *Ibid.*

¹⁴⁴ Ibn Mājah (t.t.), *op. cit.*

¹⁴⁵ Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit.*, j.2, h. 263.

dilakukan Rasulullah, *ya bunayya*. Dan juga ḥadīth yang di atas, di mana statusnya adalah *ṣaḥīḥ*.

Ḥadīth Ketiga puluh Satu

كُلُّ مُصَوِّرٍ فِي النَّارِ، يُجْعَلُ لَهُ بِكُلِّ صُورَةٍ صَوَّرَهَا نَفْسٌ فَيَعَذَّبُهُ فِي جَهَنَّمَ.

Maksudnya: *Setiap orang yang menggambar akan masuk neraka; bentuk-bentuk gambar tersebut akan diberikan nafs, dan akan menyeksanya di Jahanam.*

Takhrīj ḥadīth:

1. Imam Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Libās Wa al-Zinah, Bāb Taḥrīm Taṣwīr Sūrah al-Ḥayawan Wa Taḥrīm Ittikhadh Mā Fīhi Sūrah, no: 5540.¹⁴⁶ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.
2. Imam Aḥmad, *Musnad Aḥmad*, Kitāb Musnad Banī Hāshim, Bāb Musnad `Abd Allāh Ibn al-`Abbās Ibn `Abd al-Muṭālib `An al-Nabī Ṣallallahu `Alaihi Wasallam, no: 2811.¹⁴⁷ Ḥadīth ini ṣaḥīḥ.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ṣaḥīḥ, ianya diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam *al-Ṣaḥīḥ*.

Analisis ḥadīth:

Dalam banyak ḥadīth, telah dijelaskan tentang haramnya hukum menggambar. Ḥadīth di atas yang statusnya *ṣaḥīḥ*, akan memperkukuh keharaman tersebut.

Ḥadīth Ketiga puluh Dua

أَمَرَ الرَّسُولُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلرَّجُلِ الَّذِي ظَاهَرَ مِنْ زَوْجَتِهِ بِالْإِعْتِرَالِ حَتَّى يُكْفَرَ. وَفِيهِ قَالَ (ص) لَهُ : مَا حَمَلَكَ عَلَى ذَلِكَ يَرْحَمُكَ اللَّهُ؟ قَالَ : رَأَيْتُ خَلْجًا لَهَا فِي ضَوْءِ الْقَمَرِ، قَالَ : لَا تُقْرُبُهَا حَتَّى تَفْعَلَ مَا أَمَرَكَ اللَّهُ.

Maksudnya: *Rasulullah telah memerintahkan seorang lelaki yang men-ḥihār isterinya untuk menjauh sehingga ia membayar kafarah. Dalam ḥadīth itu juga, beliau bertanya kepada lelaki tersebut; Apakah yang menyebabkan anda berbuat begitu, semoga Allah merahmatimu. Lelaki itu menjawab; Saya telah melihat gelang kaki pada dirinya dalam cahaya rembulan. Rasulullah berkata;*

¹⁴⁶ Muslim (2000), *op.cit.*, h. 1056.

¹⁴⁷ Ahmad bin Hanbal (t.t), *op.cit.*, j. 1, h. 308.

Janganlah kamu mendekatinya, sehingga melakukan perkara yang diperintahkan oleh Allah.”

Takhrīj ḥadīth:

1. Ibn Mājah, *Sunan ibn Mājah*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb al-Muzhahir Yujāmi' Qabla `An Yukāfir, no: 2065.¹⁴⁸ Ḥadīth ini *ḥasan*.
2. Al-Nasā'ī, *Sunan al-Nasā'ī*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb al-Zihār, no. 3457.¹⁴⁹ Ḥadīth ini *ḥasan*.
3. Al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Ṭalāq, Bāb al-Mazāhir, no. 1199.¹⁵⁰ Ḥadīth ini *ḥasan*.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini *ḥasan*. Al-Tirmidhī berkata: ḥadīth ini *ḥasan ṣaḥīḥ gharīb*.¹⁵¹ Shaykh al-Albanī menilainya sebagai ḥadīth *ḥasan*.¹⁵²

Keterangan ḥadīth:

Ulama sepakat bahawa suami yang melakukan zihar terhadap isterinya, mengakibatkan dua perkara berlaku. *Pertama*, haram mendatangi isterinya sehingga membayar kafarah zihār. *Kedua*, wajib membayar kafarah tersebut dengan segera. Hukuman ini telah pun disetujui ulama jumhur. Dan ḥadīth di atas memperkukuh keharaman melakukan zihār, kerana statusnya adalah *ṣaḥīḥ*.

Ḥadīth Ketiga puluh Tiga

وَقَدْ رُوِيَ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَسْتَخْلِفُ الْمَرْأَةَ فَيَقُولُ: "بِاللَّهِ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ، مَا خَرَجْتَ مِنْ بَغْضِ زَوْجٍ! بِاللَّهِ مَا خَرَجْتَ رَغْبَةً عَنْ أَرْضٍ إِلَى أَرْضٍ! بِاللَّهِ مَا خَرَجْتَ التَّمَّاسَ الدُّنْيَا، بِاللَّهِ مَا خَرَجْتَ إِلَّا حُبًّا لِلَّهِ وَرَسُولِهِ! فَإِذَا حَلَفْتَ عَلَى ذَلِكَ أَعْطَى زَوْجَهَا مَهْرَهَا وَمَا أَنْفَقَ عَلَيْهَا وَلَمْ يَرُدُّهَا

Maksudnya: “*Sesungguhnya diriwayatkan daripada Ibnu `Abbās bahawa Nabi s.a.w meminta perempuan bersumpah dengan bersabda, “Demi Allah yang tiada Tuhan yang hak selainnya, dia tidak keluar kerana benci suaminya! Demi Allah, dia tidak keluar kerana benci satu tempat dan suka tempat lain! Demi Allah, dia tidak keluar kerana mencari habuan dunia! Demi Allah, dia tidak keluar kecuali kerana cintakan Allah dan Rasulnya!”*. Maka jika dia bersumpah

¹⁴⁸ Ibn Mājah (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h.666.

¹⁴⁹ Al-Nasā'ī (t.t.), *op.cit.*, j. 6, h.167.

¹⁵⁰ Al-Tirmidhī (t.t.), *op.cit.*, j. 3, h. 503.

¹⁵¹ *Ibid.*

¹⁵² Ibn Mājah (t.t.), *op. cit.*, j. 1, h.666.

demikian, Baginda akan memberi suami perempuan itu maharnya dan perbelanjaannya. Nabi tidak menolaknya pulang”.

Takhrīj ḥadīth:

1. Imam al-Ṭabrānī, *al-Mu`jam al-Kabīr*, Bāb al-`Ayn, Aḥādīth `Abd Allāh ibn `Abbās ibn `Abd al-Muṭālib ibn Hāshim ibn `Abd Manāf, no: 12668.¹⁵³ Ḥadīth ini ḍa`īf.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ḍa`īf, dikatakan oleh Aḥmad Ibn Abī Bakr Ibn Ismā`il al-Buṣairī: isnad ḍa`īf, Abū Naṣr belum mendengar daripada Ibn `Abbās, dan Qays ḍa`īf.¹⁵⁴ Menurut Ibn Hajar: Abu Naṣr *majhul* (tidak diketahui).¹⁵⁵

Keterangan ḥadīth:

Ḥadīth di atas dijadikan oleh al-Ṣābūnī sebagai *Latīfah al-Tafsīr* dari sejarah perempuan-perempuan mukmin yang berhijrah kerana mencintai Allah dan Rasulnya, dan bukan untuk dunia (Sūrah al-Mumtahinah ayat 10-13). Namun demikian, beliau tidak memperhatikan status ḥadīth tersebut, padahal ia adalah *ḍa`īf*.

Ḥadīth Ketiga puluh Empat

إِنَّ الْأَذَانَ سَهْلٌ سَمِيحٌ، فَإِنْ كَانَ أَذَانُكَ سَهْلًا سَمِيحًا وَإِلَّا فَلَا تُؤَدِّن.

Maksudnya: *Sesungguhnya azan itu mudah dan indah. Maka sebaiknya azanmu itu mudah dan indah. Jika tidak, maka janganlah berazan.*

Takhrīj ḥadīth:

Al-Daraqūṭnī, *Sunan al-Daraqūṭnī*, Kitāb al-Janāiz, Bāb Takhfīf al-Qira`ah Li Hajjah, no: 5.¹⁵⁶ Ḥadīth ini ḍa`īf *jiddan*.

Darjat ḥadīth:

Ḥadīth ini ḍa`īf *jiddan*, dikatakan oleh al-Shaykh al-Albanī: *ḍa`īf jiddan*.¹⁵⁷

¹⁵³ Al-Ṭabrānī (1983), *op.cit.*, j. 12, h. 127.

¹⁵⁴ Aḥmad Ibn Abī Bakr Ibn Ismā`il al-Buṣairiy (t.t), *Ittikhāf al-Khayrah al-Mukhirrah Bi Zawa'id al-Masānīd al-Ashrah*, Kitāb al-Adab, j. 6, , no: 5858, h. 285,

¹⁵⁵ Ibn Hajar (1986), *Taqrīb*, *op.cit.*, h. 678.

¹⁵⁶ Al-Daraqūṭnī (1966), *op.cit.*, j. 2, h. 86.

¹⁵⁷ Muḥammad Naṣr al-Dīn al-Albanīy (t.t), *Ṣaḥīḥ Wa Ḍa`īf al-Jāmi' al-Saghīr*, j. 1, (t.t.p): Al-Maktab al-Islamiy, h. 333.

Keterangan ḥadīth:

Ada dua pandangan tentang perkara di atas. *Pertama*, al-Imām al-Mālik dan Aḥmad mengatakan makruh membaca al-Quran dengan berlagu. Mereka menukil dari pendapat Anas bin Mālik, Sa`īd bin al-Musayyib, Sa`īd bin Jabīr, Ḥasan al-Baṣrī, Ibrāhīm al-Nakha`i dan Ibnu Sīrīn. *Kedua*, Abū Ḥanīfah dan al-Imām al-Shafī`ī mengatakan bolehnya membaca al-Quran dengan berlagu. Mereka menukil dari pandangan `Umar bin al-Khattāb, Ibnu `Abbās, Ibnu Mas`ūd, Abū Ja`far al-Ṭabārī.

Kedua kelompok tersebut menggunakan hujahnya dengan menyebut dalil ḥadīth Rasulullah. Al-Imām Mālik dan Aḥmad menulis tiga ḥadīth, termasuk di atas. Manakala kelompok kedua menyertakan lima ḥadīth. Kerana itu, secara dalil pandangan ulama yang kedua lebih kuat.¹⁵⁸ Secara logik juga dapat dikatakan, jika melagukan al-Quran dengan maksud memperbagus suara dalam membaca, mengeluarkan makhrajnya secara betul dan mengikuti hukum tajwid, maka hal demikian memperindah bacaan al-Quran. Sebab, terkadang Rasulullah juga mendengar bacaan sahabatnya dan memuji suaranya yang bagus.¹⁵⁹

4.4.1 Analisis Kualiti Ḥadīth- Ḥadīth Ibnu `Abbās Dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur`ān*.

Seperti telah disebutkan, penulis telah melakukan *takhrīj* terhadap semua ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās, dan hasil dari saringan yang dilakukan tersebut, penulis dapat menyenaraikan 34 teks ḥadīth yang riwayatnya berasal dari Ibnu `Abbās. Daripada jumlah tersebut, *Ḥadīth Ṣaḥīḥ* sebanyak 20 teks *ḥadīth*, *Ḥasan Ṣaḥīḥ* 1 teks *ḥadīth*, *Ḥadīth Da`īf* 11 teks *ḥadīth*, dan 2 *ḥadīth* yang tidak diketahui statusnya (*majhūl*).¹⁶⁰

Dari semua senarai ḥadīth-ḥadīth tersebut, mengikut gred ulama ḥadīth dalam hal *maqbul* dan *mardūd*-nya sesebuah kualiti ḥadīth, maka ḥadīth yang boleh diguna

¹⁵⁸ Muḥammad `Alī al-Ṣābūnī (1972), *op.cit*, j.2, h. 630.

¹⁵⁹ *Ibid*, j.2, h. 631.

¹⁶⁰ *Majhūl* adalah istilah yang digunapakai bagi seseorang yang tidak dikenali dalam lingkungan penulisan (ḥadīth) sama sekali dan hanya melalui periwatan seseorang sahaja, dan tidak mendapat kepercayaan daripada ulama-ulama lain terhadapnya. Lihat Muḥammad Mustafa Azami (1989), *Kajian Metodologi Dan Penulisan Hadith*, Penerjemah: Engku Ibrahim Engku Ismail, Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 84.

pakai sebagai dalil dan hujah hanyalah *ḥadīth ṣaḥīḥ* dan *ḥasan ṣaḥīḥ* iaitu sebanyak 21 sahaja.¹⁶¹ Manakala yang lain, 13 ḥadīth termasuk kategori yang ditolak.

Ada tiga sebab sesebuah ḥadīth ditolak iaitu: kerana kecacatan rawi, kerana tiada persambungan sanad dan kerana sebab-sebab yang mendatang.¹⁶² Dalam semua *ḥadīth daʿīf* tersebut, semuanya disebabkan kerana kecacatan rawi. Pada kebiasaannya, ḥadīth dengan status seperti ini berakhir dengan nama yang selain Rasulullah s.a.w sebagai autoriti yang terakhir, sehingga ianya tidak sah.¹⁶³ Dua ḥadīth yang tidak diketahui statusnya ialah kerana tidak dijumpai dalam kitab-kitab utama ḥadīth dan hanya dijumpai dalam kitab tafsir sebagai potongan ḥadīth yang dinukil oleh penulisnya.¹⁶⁴

Penyelidikan kualiti ḥadīth di atas memberikan kepastian, sama ada ianya boleh diguna pakai atau tidak. Sebab, dalam beberapa kes ḥadīth yang daʿīf, ia juga ada dalam beberapa kitab yang popular dan *mukharrij* yang hebat, seperti Imām Tirmidhī (ḥadīth no.2), Aḥmad bin Ḥanbal (ḥadīth no.24 dan 25), Abū Dawūd (ḥadīth no.25) dan beberapa ḥadīth juga yang dikeluarkan oleh al-Bayhaqī dan al-Ṭabrani.

Untuk keterangan lanjut mengenai status *ḥadīth-ḥadīth*, sila rujuk gambar rajah berikut.

¹⁶¹ *Ḥadīth ḥasan* adalah *ḥadīth* yang secara umum memiliki syarat-syarat *ḥadīth ṣaḥīḥ*, namun dari aspek kekuatan hafazan rawinya tidak begitu sempurna. Istilah ini dipopulerkan oleh Imam Ibnu Taymiyyah dan Ibnu Jawzī. Kemudian Ibnu Ḥajar al-ʿAsqalānī menjadikannya lebih sistematik dalam metodologi pembagian *ḥadīth*. Tetapi, statusnya masih di bawah *ḥadīth ṣaḥīḥ*. Dan para ulama sepakat menerima ḥadīth ini. Ibnu Ṣalāh (1989), *Muqaddimah Ibnu Ṣalāh fī ʿUlūm al-Ḥadīth*, Bayrūt; Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, h. 31.

¹⁶² Muhammad Mustafa Azami (1989), *op.cit*, h. 89.


¹⁶³ *Ibid*, h. 90.

¹⁶⁴ Lihat ḥadīth no 16 dan 26.

Jadual 4.0: Taburan darjat ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās dalam *Kitāb Tafsīr Āyāt Al-Aḥkām min al-Qurān* selepas saringan.

Bil.	Status Ḥadīth	Jumlah
1.	Ṣaḥīḥ	20
2.	Ḥasan Ṣaḥīḥ	1
3.	Ḍa`if	11
4.	Majhūl	2
Jumlah		34

Rajah III: Berikut ini adalah taburan darjat ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās dalam *Kitāb Tafsīr Āyāt āl-Aḥkām min al-Qurān* dalam peratusan.



Rajah di atas menunjukkan bahawa ḥadīth Ibnu `Abbās yang ṣaḥīḥ adalah terbanyak di antara yang lain iaitu 55 %. Ertinya, secara keseluruhannya, ḥadīth-ḥadīth beliau statusnya adalah sangat baik dan ianya boleh diguna pakai sebagai hujah. Manakala yang ḍa`if juga banyak iaitu 33 %, dan ianya tidak boleh digunakan sebagai dalil hukum. Majoritinya kerana sebab rawi yang lemah.

5.1.2 Analisis Mukharrij Ḥadīth-Ḥādīth Ibnu `Abbās Dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān*.

Daripada 34 ḥadīth Ibnu `Abbās yang telah disebutkan di atas, pengkaji telah meneliti secara keseluruhan para pengeluar atau penghimpun ḥadīth-ḥādīth (*mukharrij*) tersebut.

Mukharrij secara bahasa adalah orang yang mengeluarkan. Keberkaitannya dengan ḥadīth, *mukharrij* adalah orang yang telah menukil atau menulis ḥadīth pada kitabnya, seperti kitab al-Bukhārī atau dalam bahasa yang lain memindahkan ḥadīth dari seorang guru kepada orang lain, kemudian membukukannya dalam sebuah kitab. Oleh kerana itu, semua perawi ḥadīth yang membukukan ḥadīth yang diriwayatkannya disebut *mukharrij* seperti para penyusun *al-kutūb al-tis`ah* (kitab sembilan). Contoh: ḥadīth riwayat al-Bukhārī, ḥadīth riwayat Muslim, dan lain-lain.

Dalam meneliti *mukharrij* ini, pengkaji telah membahagikannya kepada dua: *mukharrij ḥadīth-ḥādīth ṣaḥīḥ (maqbul)* dan *mukharrij ḥadīth-ḥādīth ḍa`īf (mardūd)*. Kedua-duanya akan disebutkan dalam jadual masing-masing di bawah ini.

Jadual 5.0: *Mukharrij Ḥadīth-Ḥādīth Ṣaḥīḥ (maqbul)* Riwayat Ibnu `Abbās Dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur'ān* Karya Muḥammad `Alī Al-Ṣābūnī.¹⁶⁵

No.	<i>Mukharrij ḥadīth</i>	Jumlah
1.	Abū Dāwud Imam al-Nasā'ī	10 6
2.	Aḥmad bin Ḥanbāl	6
3.	Imām al-Tirmidhī	6
4.	Imām al-Bukhārī	5
5.	Ibnu Mājah	5
6.	Imām Muslim	4
7.	Imām Ḥākim	3
8.	Imām al-Bayhaqī	1

¹⁶⁵ Termasuk kategori ini ialah *ḥadīth ḥasan ṣaḥīḥ*.

9.	Imām Dar al-Quṭni	1
10.	Aḥmad bin `Alī al-Taymimī	1
11.	Imām al-Shaybanī	1

Jadual 6.0: *Mukharrij Ḥadīth-Ḥadīth Da`if (mardūd)* Riwayat Ibnu `Abbās Dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur`ān* karya Muḥammad `Alī Al-Ṣābūnī.

No.	Mukharrij ḥadīth	Jumlah
1.	Imām Bayhaqī	5
2.	Imām Dar al-Quṭni	3
3.	Imām al-Ṭabranī	3
5.	Aḥmad bin `Alī al-Taymimī	2
6.	Aḥmad bin Ḥanbal	2
7.	Imām al-Tirmidhī	1
8.	Abū Dawud	1
9.	Al-Ashbahani	1
10.	Ibn `Asākir	1
11.	Al-Wahidi	1

Daripada kedua jadual di atas, Abū Dāwud menempati posisi *mukharrij* paling atas dalam ḥadīth-ḥadīth *ṣaḥīḥ (maqbul)*. Manakala Imām al-Bayhaqī¹⁶⁶ menempati posisi paling atas dalam ḥadīth-ḥadīth *da`if (mardūd)*. Ini ertinya, kedua imam inilah yang paling banyak mengeluarkan ḥadīth-ḥadīth Ibnu `Abbās dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qur`ān* karya Muḥammad `Alī Al-Ṣābūnī dibandingkan *mukharrij* yang lain.

Ḥadīth-ḥadīth tersebut, sama ada yang *ṣaḥīḥ (maqbul)* atau ḥadīth-ḥadīth *da`if (mardūd)* ada di dalam kedua kitab beliau. Abū Dāwud mengeluarkannya dalam kitabnya iaitu *Sunan Abī Dawud*. Manakala Imām al-Bayhaqī di dalam *Sunan al-Kubrā*

¹⁶⁶ Nama penuh beliau Abū Bakar Aḥmad bin Ḥusayn bin `Alī bin `Abd Allāh al-Bayhaqī. Beliau adalah seorang ulama ahli feqah, usul, ḥadīth, dan salah seorang tokoh utama dalam mazhab Shāfi`ī. Beliau dilahirkan di Khasrujard, Bayhaq, iaitu di Naysabūr, Persia pada tahun 994 M. Dalam hal *akidah*, beliau mengikuti mazhab `Ash`arī. Dalam pencarian ilmunya, beliau mendatangi para ulama di Baghdad, Kūfah, dan Mekah, sebelum akhirnya kembali lagi ke Bayhaq. Di antara karya-karyanya, Kitab al-Sunan al-Kubrā yang terbit di Hyderabad, India, 10 jilid tahun 1344-1355, adalah yang paling terkenal. Buku ini pernah mendapat penghargaan tertinggi. Imam Bayhaqī wafat di Naysabūr pada tahun 1066 M dan dimakamkan di Khasrujard. [Http://id.wikipedia.org/wiki/Imam_Baihaqi](http://id.wikipedia.org/wiki/Imam_Baihaqi). Data diambil 8-6-2010.

wa fī Dhailihi al-Jawhar al-Naqī atau yang lebih dikenali dengan sebutan *Sunan al-Bayhaqī*.

Selain itu, dalam senarai ḥadīth-ḥadīth yang *ṣaḥīḥ (maqbul)* tersebut, banyak *mukharrij* yang sudah pun popular di kalangan ahli ḥadīth dan menjadi rujukan umum, seperti Imām al-Bukhārī, Muslim, al-Tirmidhī, Abū Dāwud, Aḥmad bin Ḥanbal, Ibnu Mājah dan lain sebagainya. Manakala ḥadīth-ḥadīth *ḍaʿīf (mardūd)*, *mukharrij*-nya adalah ulama-ulama yang tidak tersenarai dalam *kutub al-sittah* kecuali Abū Dāwud, al-Tirmidhī dan Ahmad bin Ḥanbal.

4.5 Penutup

Daripada *takhrīj* di atas, dapat disimpulkan bahawa ḥadīth-ḥadīth Riwayat Ibnu ʿAbbās dalam *Tafsīr Āyāt al-Aḥkām min al-Qurʾān* karya Muḥammad ʿAlī Al-Ṣābūnī adalah sangat baik, kerana lebih 50 % yang *ṣaḥīḥ*. Dan ḥadīth-ḥadīth itu majoriti dikeluarkan oleh *mukharrij* yang ada dalam *kutub al-sittah*. Oleh sebab itu, ḥadīth-ḥadīth ini boleh diguna pakai sebagai hujah hukum atau sebuah masalah. Dan ini yang akan dibincangkan pengkaji dalam bab seterusnya.